

قَتِيْقِن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"IKHLAS adalah penawar atau ubat segala kepincangan. Khususnya dalam bidang pekerjaan atau tugas, jika seseorang itu sungguh-sungguh ikhlas, maka sudah barang tentu dia akan bersih dari segala macam sifat buruk, seperti tamak, dengki, tidak amanah, rasuah dan seumpamanya. Inilah dia kepentingan ikhlas itu."
- Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1431 Hijrah / 2010 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"PERUMPAMAAN orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti menanam sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandung seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas Rahmat dan limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui!"
- (Surah Al-Baqarah, ayat 261).

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.04 SUBUH 5.14 SYURUK 6.35 DUHA 6.59 ZUHUR 12.33 ASAR 3.55 MAGHRIB 6.29 ISYAK 7.42

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 10

23 JANUARI 2017 / 1438 ربيع الأخير 25

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Berkenan berangkat ke Majlis Perkahwinan anak Ketua Menteri Sabah

Siaran Akhbar :

Jabatan Perdana Menteri
Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah dari
Kota Kinabalu, Sabah

KOTA KINABALU, SABAH, Sabtu, 21 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam selamat berangkat tiba di Kota Kinabalu, Sabah untuk menghadiri Majlis Perkahwinan anak Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman. Majlis tersebut diadakan di Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu, Sabah.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Majlis Perkahwinan tersebut adalah di antara anak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, iaitu Mohammed Hayssam bin Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa dengan Fitri Hana binti Datuk Haji Ghulam Haider Khan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perkahwinan anak Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman yang berlangsung di Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu, Sabah.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dijunjung oleh Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Datuk

Seri Panglima Haji Juhar bin Haji Mahiruddin dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Norlidah RM Jasni; Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman dan isteri,

Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin; Menteri Luar Negeri Malaysia selaku Menteri Pengiring, Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Haji Aman dan isteri, Datin Siti Rubiah binti Abdul Samad dan pembesar-pembesar negara dari Malaysia dan Negeri Sabah.

Ke muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin.



Muka 6

YTM berkenan berangkat saksikan kejohanan renang

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@infodept_bn



Jabatan Penerangan

Jabatan Perdana Menteri

Lahirkan pemimpin kompeten, berwibawa mengikut ajaran Islam

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'enu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'ala Aalihee Wasahbihee
Ajma'een, Waba'du.

BERSYUKUR kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas segala limpah rahmat-Nya, sehingga kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bagi menyaksikan Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-15, Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB). Beta dengan amat sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada 29 orang Pegawai Kadet yang telah berjaya menamatkan latihan dengan mempamerkan pertunjukan perbarisan yang sangat baik. Syabas juga, diucapkan kepada semua pihak yang terlibat, terutama para ibu bapa dan kaum keluarga di atas sokongan padu mereka kepada pegawai-pegawai berkenaan pada sepanjang latihan selama 52 minggu.

Pada pengambilan kali ini, beta difahamkan, di antara mereka yang akan menerima tauliah adalah 2 orang Pegawai Kadet pemegang biasiswa, Pemerintah Tertinggi dan seorang pemegang biasiswa, ABDB. Sejak Sekolah Pegawai Kadet ditubuhkan pada tahun 2008, ia telah berjaya menghasilkan seramai 336 Pegawai Tentera yang berkaliber. Ini adalah amat membanggakan, dan sekarang, terdapat di antara mereka yang telah menjadi jurulatih di AP ABDB, khususnya di Sekolah Pegawai Kadet sendiri.

Seterusnya, beberapa orang pegawai wanita lepasan Sekolah Pegawai Kadet, juga telah berjaya menerokai bidang kerjaya yang sebelum ini hanya terhad kepada pegawai lelaki sahaja, misalnya juruterbang tentera wanita dan baru-baru ini, seorang nakhoda wanita untuk Kapal Diraja Brunei. Manakala di arena antarabangsa pula, sebahagian mereka juga pernah atau masih mengikuti misi United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL), Pasukan Pemantau Antarabangsa (IMT) di Mindanao, Republik Filipina, dan sebagai Pegawai Perhubungan Antarabangsa di Information Fusion Centre, Republik Singapura.

Beta sangat berbangga dengan pencapaian-pencapaian ini. Dalam melahirkan barisan pemimpin yang kompeten dan berwibawa, beta menyeru supaya ditingkatkan lagi standard latihan, sambil menerapkan nilai-nilai kepimpinan mengikut ajaran Islam dan falsafah Melayu Islam Beraja.

Kerjasama latihan di antara Sekolah Pegawai Kadet AP ABDB dengan sekolah-sekolah Pegawai Kadet luar negara juga adalah berguna. Latihan dua hala di peringkat awal dengan angkatan-angkatan tentera negara sahabat, terutama di kalangan negara-negara ASEAN, adalah mampu untuk mengukuhkan



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-15 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB) pada hari Khamis, 21 Rabiulakhir 1438 Hijrah bersamaan 19 Januari 2017 Masihi bertempat di Padang Kawad AP ABDB, Kampung Tanah Jambu.

lagi platform Diplomasi Pertahanan. Langkah seperti ini penting, dalam usaha, untuk mencapai keselamatan dan kestabilan serantau dan antarabangsa.

Demi kepentingan masa depan, beta berharap ABDB akan terus melahirkan pemimpin-pemimpin tentera yang berjaya, bukan sahaja dalam bidang kerjaya biasa, malahan juga mempunyai kepakaran dan kebijaksanaan, dalam mengatur dan membentuk strategi yang diperlukan. Inilah antara kewajipan utama ABDB, selaku tonggak pertahanan negara.

Akhir kata, beta ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah

kepada seluruh warga AP ABDB, khususnya, Komandan Akademi / Pertahanan, Pegawai Pemerintah Sekolah Pegawai Kadet, 'Colour Sergeants' dan pegawai-pegawai serta semua jurulatih yang telah bertungkus lumus melatih dan mendidik Pegawai-Pegawai Kadet sehingga ke peringkat ini.

Maka, dengan merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, beta dengan sukacita mengurniakan tauliah sebagai Pegawai ABDB kepada 29 orang Pegawai Kadet Pengambilan Ke-15. Sekian, Wabillahir Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KERJASAMA latihan di antara Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan sekolah-sekolah Pegawai Kadet luar negara juga adalah berguna. Latihan dua hala di peringkat awal dengan angkatan-angkatan tentera negara sahabat, terutama di kalangan negara-negara ASEAN, adalah mampu untuk mengukuhkan lagi platform Diplomasi Pertahanan. Langkah seperti ini penting, dalam usaha, untuk mencapai keselamatan dan kestabilan serantau dan antarabangsa.

Dari Sidang
Pengarang.

23 JANUARI 2017 BERSAMAAN 1438 ربيع الآخر 25

KOMITED WUJUDKAN PUSAT RUJUKAN ILMU ISLAM YANG LENGKAP

PERPUSTAKAAN Islam Brunei Darussalam (PIB), Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) mencipta satu detik bersejarah yang mana secara rasminya memulakan perkhidmatan bersistem yang dipanggil Sistem Perpustakaan Digital Islam (Islamic Digital Library System - IDLS) dan portal yang boleh diakses oleh pengguna perpustakaan.

Menerusi portal ini jelas Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned yang juga menyempurnakan Majlis Terbuka Hari PIB dan Pelancaran IDLS, pengguna perpustakaan yang berdaftar akan dapat melayari perkhidmatan-perkhidmatan seperti e-Fatwa, e-Irsyad, koleksi digital yang merangkumi ceramah-ceramah melalui video, koleksi digital seperti buku-buku terbitan JMK, manuskrip, keratan-keratan akhbar dan sebagainya.

"Tidak syak lagi, melalui perkhidmatan IDLS ini akan dapat memenuhi keperluan orang ramai, khasnya mereka yang sudah berdaftar menjadi ahli, bagi mengakses apa jua kemudahan yang disediakan secara 'remote' oleh mereka," terangnya.

Yang Berhormat menjelaskan, matlamat asal dan fungsi utama penubuhan perpustakaan itu adalah untuk menjadi pusat maklumat Islam yang lengkap.

Di antara usaha dan kegiatan PIB ini adalah mengumpul pelbagai bahan yang sukar untuk didapati dan sehingga kini PIB memiliki sejumlah dari 200,000 naskhah koleksi kitab / buku dalam pelbagai disiplin ilmu, merangkumi buku, majalah, jurnal, multimedia dan lain-lain.

Yang Berhormat Mufti Kerajaan menambah, selain daripada kitab dan buku, perpustakaan ini juga mempunyai koleksi manuskrip, jurnal, kertas persidangan, audio-video, tesis dan disertasi dari pelbagai bahasa seperti Arab, Parsi, Urdu, Thailand, Melayu, Inggeris dan lain-lain.

Dengan jumlah koleksi yang besar ini, Yang Berhormat percaya perpustakaan ini akan dapat menyumbang khidmat kepada umat Islam, bukan sahaja di negara ini bahkan juga di luar negara bahkan jumlah koleksi yang ada setakat ini juga akan ditambah lagi dari semasa ke semasa.

Dalam ucapannya menjelaskan bahawa rekahan perpustakaan mempunyai empat tingkat di mana setiap tingkat dihasratkan untuk menempatkan koleksi kitab-kitab mazhab tertentu mengikut mazhab.

"Hasrat ini, InsyaaAllah akan direalisasikan apabila jumlah koleksi sudah mencukupi untuk mengisi semua ruang keempat-empat tingkat tersebut," tambah Yang Berhormat.

Nama PIB adalah kurnia dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Perasmian Ekspo Islam Antarabangsa Pertama pada 18 Ogos 2001 yang dikendalikan oleh JMK.

Pada Majlis Perasmian Ekspo Islam Antarabangsa Pertama tersebut, Kebawah DYMM beritah bahawa penubuhan JMK adalah dihasratkan untuk sama-sama turut berperanan dalam menjana kemajuan ummah di bidang yang bersesuaian.

Di samping mengeluarkan fatwa, tith baginda, JMK juga perlu komited untuk mewujudkan pusat rujukan ilmu Islam yang lengkap, sebagai syarat atau langkah bagi mencapai tamadun yang diinginkan.

Maka ke arah itu, baginda beritah, berhasrat supaya ditubuhkan sebuah Perpustakaan Islam yang mempunyai agenda ilmu, yang meliputi tiga program utama iaitu untuk mengumpul secara sistematik segala ilmu dan maklumat Islam yang meliputi semua mazhab dan di dalam apa jua bahasa, kedua tith baginda, untuk mengembangkannya dan ketiga untuk menyebarkannya sekali.

Bagi menandai tith tersebut, PIB telah dikembangkan secara serius untuk menjadikannya sebagai sebuah pusat rujukan Islam yang lengkap dan menjadi sebuah perpustakaan awam Islam di negara ini.

PIB dilengkap dengan prasarana dan sistem automasi sesuai dengan perkembangan info-komunikasi dan teknologi terkini dalam memberikan khidmat perpustakaan mesra pengguna, efektif dan sistematik. Antara sistem automasi yang disediakan oleh PIB pada masa ini termasuklah khidmat katalog dalam talian, peminjaman dan pemulangan secara layan diri dan sebagainya.

Sejak keahliannya dibukakan kepada umum pada tahun 2010 yang lalu, PIB kini mempunyai seramai 146 ahli, iaitu 136 ahli terdiri daripada para pelajar dan 10 ahli daripada orang awam.

Oleh itu, Sambutan Hari Terbuka PIB yang diadakan baru-baru ini, setentunya memberi peluang kepada orang ramai berkunjung ke perpustakaan tersebut bagi melihat dengan lebih dekat lagi segala kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan dan seterusnya merebut peluang untuk menjadi ahli perpustakaan. - **Ketua Penyuntingan (Hs).**

Ramalan Cuaca 3 Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
32°C	25°C	32°C
25°C	25°C	26°C
32°C	25°C	32°C
25°C	25°C	26°C
32°C	25°C	33°C
25°C	25°C	25°C
32°C	25°C	33°C
25°C	25°C	25°C
32°C	25°C	33°C
25°C	25°C	25°C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi JANUARI	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	ISNIN	25	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
24	SELASA	26	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
25	RABU	27	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42
26	KHAMIS	28	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
27	JUMAAT	29	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
28	SABTU	30	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.56	6.30	7.43
29	AHAD	1	5.05	5.15	6.36	7.00	12.34	3.56	6.30	7.43

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **AMBULANS 991** | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998** | (Talian Darussalam) **JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK 123** | **JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 2380214** | **NDMC 2380214**

Berkenan berangkat ke Majlis Perkahwinan anak Ketua Menteri Sabah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan beramah mesra bersama mempelai yang diraikan, anak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, iaitu Mohammed Hayssam bin Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa dan isteri, Fitri Hana binti Datuk Haji Ghulam Haidar Khan (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat ke Majlis Perkahwinan anak Ketua Menteri Sabah. Antara tetamu khas yang berangkat sama pada Majlis Perkahwinan tersebut ialah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Negeri Johor Darul Ta'zim (kanan).

Dari muka 1

Turut hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Awang Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha dan isteri.

Petang tadi, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Luar Negeri Malaysia selaku Menteri Pengiring, Yang Berhormat Dato' Sri Anifah

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah
dari Kota Kinabalu, Sabah

bin Haji Aman dan isteri.

Pada waktu malam, keberangkatan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke The Magellan Sutera, Sutera Harbour Resort dijunjung oleh ibu bapa kedua-dua pasangan

pengantin, iaitu Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin serta Yang Berhormat Datuk Haji Ghulam Haidar Khan bin Bahadar dan isteri, Yang Berbahagia Datin Rosna Haji Mohd. Yunus.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri seterusnya dijunjung berangkat ke Bilik Persempamaan, di mana Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri disembah-kenalkan kepada pasangan pengantin.

Antara tetamu khas yang berangkat sama pada Majlis Perkahwinan ialah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Negeri Johor Darul Ta'zim.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah binti Mansor; Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar bin Haji Mahiruddin dan isteri; Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud dan isteri serta Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.



BERANGKAT mengiringi Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Ke muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat bersama jemputan-jemputan khas yang lain pada Majlis Perkahwinan anak Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman.

Dari muka 3

Sebelum Majlis Perkahwinan dimulakan, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menyertai sesi bergambar ramai bersama pasangan pengantin. Kebawah DYMM dan

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudiannya berkenan beredar ke Grand Ballroom dengan diiringi oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin.

Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Negeri Sabah, Yang Berbahagia Sahibus Samahah Datuk Ustaz Haji Bungsu @ Aziz bin Haji Jaafar. Semasa Majlis Perkahwinan tersebut, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung untuk memulakan Acara Merenjjis. Selepas

Majlis Merenjjis, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung berangkat ke Majlis Santap dengan bersama para tetamu khas yang lain.

Majlis pada malam tersebut turut menyaksikan upacara memotong kek oleh kedua-dua mempelai.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dijunjung untuk memulakan Acara Merenjjis.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berbual mesra bersama Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman.

KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada pasangan pengantin yang diraikan.

Kejohanan Renang Jemputan Federation of British International Schools in Asia Ke-3

Berkenan sempurnakan penyampaian pingat



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan bergambar kenangan bersama paduka-paduka anakanda, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah ketika berangkat menyaksikan Kejohanan Renang Jemputan Federation of British International Schools in Asia (FOBISIA) Ke-3 hari terakhir.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menyempurnakan penyampaian pingat kepada pasukan yang menjadi johan pada salah satu kejohanan renang tersebut.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Masri Osman



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Januari. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Renang Jemputan Federation of British International Schools in Asia (FOBISIA) Ke-3 hari terakhir.

Turut menyertai kejohanan tersebut ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim.

Juga berangkat menyaksikan kejohanan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.

Keberangkatan YTM ke kejohanan yang berlangsung di Kolam Renang Kebangsaan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato

Seri Paduka Haji Abidin.

Pada kejohanan hari terakhir ini, YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim telah menyertai Kategori 50 Meter (M) Gaya Bebas bagi perenang lelaki berusia 9 hingga 10 tahun dan memperolehi catatan masa 38.63.

Pada kejohanan itu juga, YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim bersama rakan sepasukan International School Brunei (ISB) Hammerheads berjaya memperolehi tempat ketiga menerusi acara Kategori 200M Gaya Bebas Relay bagi perenang lelaki berusia 9 hingga 10 tahun dengan catatan masa 2:29.02.

Pada akhir kejohanan, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menyempurnakan penyampaian pingat-pingat kepada para pemenang Kategori 200M Gaya Bebas Relay (Lelaki dan Perempuan) berusia 9 hingga 10 tahun dan Kategori 200M Gaya Bebas Relay (Lelaki dan Perempuan) berusia 11 Tahun.

Juara Kategori 200M Gaya Bebas Relay bagi perenang lelaki berusia 9 hingga 10 tahun ialah STA Marlins dengan catatan masa 2:20.90 diikuti tempat kedua ialah British School Manila dengan masa 2:24.71 dan tempat ketiga ialah ISB dengan masa 2:29.02.

Sementara dalam kategori yang sama bagi perenang perempuan dijuarai oleh ISB dengan catatan masa 2:23.35, diikuti tempat kedua disandang oleh STA Marlins dengan masa 2:26.36 dan tempat ketiga ialah Harrow International School, Bangkok dengan masa 2:28.82.

YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim semasa menyertai salah satu kategori pada Kejohanan Renang Jemputan FOBISIA Ke-3.

Kejohanan Renang Jemputan Federation of British International Schools in Asia Ke-3



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Renang Jemputan Federation of British International Schools in Asia (FOBISIA) Ke-3. Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkih dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Januari. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Renang Jemputan Federation of British International Schools in Asia (FOBISIA) Ke-3.

Turut menyertai kejohanan tersebut ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim.

Juga berangkat menyaksikan kejohanan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkih dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

Keberangkatan YTM ke kejohanan yang berlangsung di

Kolam Renang Kebangsaan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkih, di sini dijunjung oleh Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat.

Dalam kejohanan hari kedua sebelah petang ini, YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim mewakili Pasukan International School Brunei

YTM berkenan berangkat saksikan kejohanan renang

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Masri Osman

(ISB) Hammerheads, telah menyertai Kategori Renang Gaya Bebas 100 Meter (M) bagi perenang lelaki berusia 9 hingga 10 tahun dengan catatan masa 1:31:73.

Pada petang ini, sebanyak 31 kategori dipertandingkan, antaranya Kategori Kuak Kupu-Kupu 50M bagi perenang lelaki berusia 9 - 10 tahun; Kuak Kupu-Kupu 50M bagi perenang perempuan berusia 9 - 10 tahun; Kuak Kupu-Kupu 50M bagi perenang lelaki berusia 11 tahun; Kuak Kupu-Kupu 50M bagi perenang perempuan berusia 11 tahun; Kuak Kupu-Kupu 50M bagi perenang lelaki berusia 12 tahun; Kuak Kupu-Kupu 50M bagi perenang perempuan berusia 12 tahun dan lain-lain lagi.

Kejohanan yang berlangsung selama tiga hari yang bermula kelmarin itu akan disambung lagi esok di tempat yang sama.

Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah pada Kejohanan Renang Jemputan FOBISIA Ke-3 di bawah kelolaan ISB.

ISB diwakili oleh seramai 30 perenang dari Pasukan Hammerheads sekolah berkenaan, antaranya turut diwakili oleh YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim yang sama-sama beraksi menentang

seramai 400 wakil perenang dari 13 buah sekolah antarabangsa dari enam buah negara Asia di bawah FOBISIA.

Antara sekolah-sekolah antarabangsa yang ikut serta pada kejohanan tersebut, Bangkok Patana School (PTS); Bangkok Preps (BKKP); British International School Kuala Lumpur (BSKL); British School Manila (BSM); Dulwich College Seoul (DCSL); ELC International School, Selangor (ELC); BSJ - Electric Eels (BSJ); Harrow International School, Bangkok (HIS); ISB; ISP Uplands (ISPU); Jerudong International School (JIS); STA Marlins (STA) dan Wellington International School, Shanghai (WCIS).

Dalam pada itu, FOBISIA ditubuhkan pada tahun 1988 dengan hanya seramai lima ahli dan kini federasi tersebut sudah mempunyai sebanyak 52 buah sekolah antarabangsa, di bawah Kurikulum British di seluruh Asia yang menyediakan platform bagi sekolah-sekolah antarabangsa untuk terhubung, berkongsi sama amalan terbaik, serta memberikan peluang untuk mengadakan pertandingan di antara sekolah melalui program pembangunan kerjasama.



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa menyertai Acara Kuak Dada.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Sabtu, 21 Januari. - Kejohanan Renang Jemputan Federation of British International Schools in Asia (FOBISIA) Ke-3 selama tiga hari bermula dari 20 Januari 2017 diteruskan.

Berangkat menyaksikan kejohanan hari kedua sesi pagi tersebut Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran

Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Menjunjung keberangkatan Yang Teramat Mulia di Kolam Renang Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkih, di sini ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok

YTM berjaya atasi rekod peribadi

Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Pada kejohanan yang berlangsung Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyertai Acara 200 Meter (M) Lelaki (9-10 Tahun) Medley Relay mewakili ISB dan 50M Lelaki (9-10 Tahun) Kuak Dada dan sekali gus berjaya mengatasi rekod peribadi YTM dengan catatan masa terpanjang 58.37 dalam kategori berkenaan.

Dalam Acara 200M Medley Relay, juara disandang oleh pasukan dari STA Marlins yang mendahului dengan masa terpanjang 2.42.81, sementara pasukan dari Harrow International School, Bangkok menduduki tempat kedua dengan mencatatkan masa 2.47.89, manakala British School Manila berada di tempat ketiga dengan catatan masa 2.48.47.

Bagi Acara 50M Lelaki Kuak Dada pula, juara disandang oleh Haruho Yamaguchi dari STA Marlins dengan catatan masa terpanjangnya 44.87, sementara berada di tempat

kedua dan ketiga masing-masing dijuarai oleh wakil dari Harrow International School, Bangkok iaitu Kan Payungwatheseth dengan masa terpanjangnya 46.24 dan Tonmye Puengpak dengan mencatatkan masanya 46.56.

ISB diwakili oleh seramai 30 orang perenang terkemuka dari Pasukan Hammerheads sekolah berkenaan, yang juga turut diwakili oleh YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dalam sama-sama beraksi menentang seramai 400 wakil perenang dari 13 buah sekolah antarabangsa dari enam buah negara Asia di bawah FOBISIA.

Antara sekolah-sekolah antarabangsa yang ikut serta pada kejohanan tersebut adalah terdiri dari Bangkok Patana School (PTS); Bangkok Preps (BKKP); British International School Kuala Lumpur (BSKL); British School Manila (BSM); Dulwich College Seoul (DCSL); ELC International School, Selangor (ELC); BSJ - Electric Eels (BSJ); Harrow International School, Bangkok (HIS); ISB; ISP Uplands (ISPU); Jerudong International School (JIS);

STA Marlins (STA); dan Wellington International School, Shanghai (WCIS).

Manakala antara kategori-kategori yang dipertandingkan bagi lelaki dan perempuan ialah 100M Kuak Dada; 200M Gaya Bebas; 200M Individual Medley; 100M Gaya Kupu-Kupu; 50M Kuak Lentang; 200M Kuak Dada; 4x50M Medley Relay; 400M Individual Medley; 100M Kuak Lentang; 200M Gaya Kupu-Kupu; 50M Kuak Dada; 50M Gaya Kupu-Kupu; 200M Kuak Lentang; 100M Gaya Bebas; 4x100M Gaya Bebas Relay; 400M Gaya Bebas; 50M Gaya Bebas; dan 4x50M Gaya Bebas Relay.

FOBISIA ditubuhkan pada tahun 1988 dengan hanya seramai lima orang ahli, dan kini federasi tersebut sudah mempunyai sebanyak 52 buah sekolah antarabangsa di bawah Kurikulum British di seluruh Asia yang menyediakan platform bagi sekolah-sekolah antarabangsa untuk terhubung, berkongsi sama amalan terbaik serta memberikan peluang untuk mengadakan pertandingan antara sekolah melalui program pembangunan kerjasama.

Raih keberkatan waktu Subuh

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Januari. - Dalam usaha memakmurkan masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam dengan kerjasama Masjid Omar 'Ali Saifuddin telah mengelolakan Program Keagamaan 'Masjidku Makmur, Negara Berkah'.


Program yang diadakan itu turut memberikan peluang kepada para pengunjung ke acara mingguan Bandarku Ceria dengan memulakan hari mereka menunaikan tuntutan sembahyang fardu, berwirid dan seterusnya mendengarkan tazkirah agama.

Hadir dan menyertai bersama-sama para jemaah pada program tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang

Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Datin, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan KHEU.

Tazkirah agama bertajuk 'Keberkatan Waktu Subuh' yang disampaikan oleh pegawai dari PDI, Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar, antaranya menyentuh kelebihan ibadah sembahyang yang didirikan secara berjemaah di masjid, di samping meraih keberkatan dan ketenangan lebih-lebih lagi Sembahyang Fardu Subuh. Beliau turut menghuraikan kelebihan mendirikan Sembahyang Sunat sebelum Subuh yang



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (kanan sekali) semasa hadir pada Program Keagamaan 'Masjidku Makmur, Negara Berkah' yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

mempunyai banyak kelebihan berupa ganjaran yang sangat besar kepada mereka yang melakukannya.

Menurut pihak penganjur dengan adanya program seperti ini diharap akan dapat memakmurkan masjid yang merupakan rumah Allah dan seterusnya menggandakan amal kebajikan dan meraih keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala untuk diri sendiri, keluarga dan negara.

Kepentingan adab dalam menuntut ilmu adalah penting



PENSYARAH Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Widad binti Haji Abdul Aziz menyampaikan ceramah bertajuk 'Sekalung Ijazah Impianmu, Adab Belajar Tanggungjawabmu' pada Majlis Program 'Kurapak Kitani Siri Ke-5'.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Januari. - Para pelajar perlu mempunyai sifat sabar dalam menuntut ilmu kerana sebagai seorang pelajar, memang menghadapi berbagai-bagai cubaan terutama mempunyai komitmen yang banyak dalam membuat kajian dan sebagainya.

Oleh itu, kejayaan tidak akan

tercapai tanpa adanya kesabaran dan janji Allah ialah akan memberi jalan Syurga kepada orang-orang yang sabar termasuklah juga dalam menuntut ilmu.

Begitu juga, perlunya ada kesungguhan dalam menuntut ilmu itu.

Demikianlah antara inti pati ceramah bertajuk 'Sekalung Ijazah

Impianmu, Adab Belajar Tanggungjawabmu' yang disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Widad binti Haji Abdul Aziz pada Majlis Program 'Kurapak Kitani Siri Ke-5'.

Selain itu, beliau juga menekankan untuk tidak bersifat sombong dan riak selepas mendapat ilmu kerana sesungguhnya semua ilmu itu datangnya daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Program adalah anjuran UNISSA melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bertempat di Auditorium universiti berkenaan.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan diselajurkan dengan ceramah yang dihadiri oleh kira-kira 300 orang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan serta mahasiswa / mahasiswi UNISSA.

Antara objektif program adalah untuk memberi kesedaran tentang kepentingan adab di dalam menuntut ilmu dan menerapkan nilai-nilai murni yang perlu ada bagi diri mahasiswa / mahasiswi agar dapat diaplikasikan semasa berada di universiti atau di luar universiti.

Pada akhir program, para mahasiswa / mahasiswi berpeluang mengajukan beberapa persoalan pada sesi soal jawab bersama penceramah.



SERAMAI 300 orang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan serta mahasiswa / mahasiswi UNISSA yang hadir pada majlis tersebut.

Saluran tambahan DARE di Talian Darussalam 123

Siaran Akhbar : Darussalam Enterprise

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Januari. - Pada 1 Januari 2017, Darussalam Enterprise (DARE) mempunyai saluran tambahan menggunakan Talian Darussalam 123 untuk orang ramai berkongsi isu-isu berkaitan perniagaan, pertanyaan dan cadangan mereka.

Menurut Siaran Akhbar DARE, di samping Talian Darussalam 123, komuniti perniagaan boleh terus menggunakan cara lain untuk saluran termasuk DARE online Business Helpdesk (BHD) yang boleh dilayari melalui <http://www.business.gov.bn/businesshelpdesk/Home.aspx> atau hubungi hotline DARE melalui talian +673 8363442 atau e-mel dare@ei.gov.bn.

Perkhidmatan BHD juga disediakan di Business Support Centre (BSC) yang berfungsi sebagai tempat / portal tunggal untuk individu berurusan atau memproses apa-apa isu yang berkaitan dengan perniagaan atau aplikasi.

BSC terletak di Bangunan Design and Technology di Taman Teknologi, Anggerek Desa juga di Bangunan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai perkhidmatan di bawah kedua-dua buah cawangan, maklumat lanjut boleh diperoleh di www.dare.gov.bn.

Sejak penubuhan DARE pada bulan Februari tahun lalu, pada 12 Januari 2017, BHD telah log masuk sejumlah 1,830 isu yang berkaitan dengan perniagaan dan telah menyelesaikan 99 peratus daripadanya, tidak termasuk isu-isu lewat pembayaran.

Pengendali teksi haram dikenakan tindakan tegas

Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Januari. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) mengeluarkan amaran keras terhadap aktiviti teksi haram yang beroperasi di negara ini.

Jabatan berkenaan dalam siaran akhbar menyatakan bahawa, operasi teksi haram adalah suatu kesalahan yang boleh dikenakan kompaun dan tindakan tegas akan diambil terhadap pesalah. Melalui operasi pemantauan dan pengawasan JPD yang dijalankan sejak beberapa bulan lalu lebih 260 kenderaan berprofil turut menjadi perhatian melalui penelitian pegawai-pegawai penguat kuasa JPD.

Hasil dari pemantauan dan operasi tambahan dari JPD dan Pasukan Polis Diraja Brunei, setakat ini seramai enam orang telah dikenakan denda dan seorang warga asing telah dihantar kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk tindakan selanjutnya.

JPD dengan ini mengeluarkan amaran keras kepada warga asing yang menjalankan aktiviti-aktiviti haram. Sebagai tambahan kepada denda kompaun, rujukan selanjutnya kepada pihak berkuasa berkaitan, boleh menyebabkan mereka dihantar keluar dari Negara Brunei Darussalam.

Operasi Pemantauan juga telah mengenal pasti syarikat-syarikat yang memiliki kereta sewa persendirian atau 'Kereta Sewa Pandu Sendiri' (KSPS) menggunakan kereta mereka untuk menjalankan aktiviti menyalahi undang-undang yang sama. Hasil dari operasi tersebut dua lesen syarikat kereta sewa persendirian telah dibatalkan oleh Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor (MTLA).

Sistem Teksi Bermeter yang telah dilancarkan pada 23 September tahun lepas telah berjaya meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap peraturan tambang teksi dan perkhidmatan.

Untuk memastikan imej positif ini dikekalkan ke arah penambahbaikan perkhidmatan-perkhidmatan teksi dengan lebih signifikan secara keseluruhannya di negara ini, orang ramai dan para pelancong dialu-alukan untuk mengemukakan komen dan aduan ke JPD melalui mesej WhatsApp melalui talian +673 7292017 atau melalui e-mel kepada jpdptg@landtransport.gov.bn bagi sebarang penyalahgunaan meter teksi atau apa jua insiden caj teksi yang berlebihan oleh para pemandu teksi.

Majlis Khatam Al-Quran sempena Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-3

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Amirulnizam
Pg. Haji Mohd. Ali

MADANG, Sabtu, 21 Januari. - Sempena Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-3 Tahun 2017, Politeknik Brunei mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Datin Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Datin Dayang Hajah Jama'iah binti Haji Awang Abdul Manap.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh tetamu kehormat majlis dan diikuti dengan bacaan Khatam



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (tiga, kanan) dan Datin Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman (dua, kiri) semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-3 Tahun 2017 yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Al-Quran beramai-ramai dan seterusnya bacaan Tahtim dan Doa Khatam oleh bakal graduan.

Pada majlis itu diserikan

dengan bacaan Dikir Marhaban dan seterusnya Doa Penutup serta Doa Kesyukuran sempena Penubuhan Politeknik Brunei Ke-5

Tahun yang dipimpin oleh Imam Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, Awang Haji Jofri

bin Haji Abidin.

Seramai 346 bakal graduan Politeknik Brunei terdiri dari 122 pelajar lelaki dan 224 pelajar perempuan menyertai majlis berkenaan.

Objektif majlis antara lain adalah bagi memartabatkan Al-Quran sebagai dasar segala ilmu, di samping mengambil sukut barakah wahyu Allah Subhanahu Wata'ala.



SEBAHAGIAN daripada bakal graduan pelajar lelaki dan perempuan yang turut serta dalam Majlis Khatam Al-Quran sempena Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei Ke-3 Tahun 2017.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof (kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada forum tersebut.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Januari. - Pengembangan idea melalui forum perbincangan dalam kalangan ahli akademik dan para intelektual adalah sangat wajar

terutama dalam usaha membincangkan sesuatu isu atau sebagai wadah untuk memajukan visi dan misi ke arah membangunkan agama, bangsa dan negara.

Kreatif martabatkan pendidikan Islam

Sehubungan itu, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Pendidikan mengadakan satu forum bertemakan Pendidikan Islam dan Profesionalisme Guru Ugama sempena penubuhannya yang ke-10 tahun bertempat di Dewan Tarbiyyah, kolej berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal

Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof.

Forum bertajuk 'Meningkatkan Pengajaran Inovatif dalam Pendidikan Islam : Cabaran Abad Ke-21' itu disampaikan oleh ahli panel terdiri dari Dekan Fakulti Pendidikan, Dr. Zulkifli bin Haji Zakaria; Dekan Fakulti Usuluddin, Awang Haji Azmi bin

Haji Omar; Dekan Fakulti Syariah, Dr. Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh dan Pengarah Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam KUPU SB, Awang Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yusof.

Kira-kira 200 orang terdiri dari pegawai-pegawai Jabatan Pengajian Islam (JPI), guru-guru sekolah agama, mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB serta institusi pengajian tinggi mengikuti forum berkenaan.

Objektif forum adalah untuk memberikan ruang perbincangan dan pemikiran dalam kalangan ahli akademik bagi berkongsi idea dan pandangan yang membina mengenai inovasi di dalam pendidikan Islam.

Terdahulu, Dekan Fakulti Pendidikan, Dr. Zulkifli, selaku Pengerusi Majlis berkata forum adalah untuk mengeluarkan idea-idea secara kreatif dalam usaha memartabatkan pendidikan Islam dan bidang perguruan agama.

Seterusnya dapat berkongsi idea-idea yang kritis dalam memajukan pendidikan Islam secara berterusan.

Menerusi forum itu diharap dapat memberikan kesan positif kepada pihak-pihak yang berkepentingan juga sebagai satu hala tuju dalam merealisasikan harapan dan wawasan negara dalam bidang pendidikan Islam dan perguruan agama.



ANTARA yang hadir pada forum bertajuk 'Meningkatkan Pengajaran Inovatif dalam Pendidikan Islam : Cabaran Abad Ke-21' di Dewan Tarbiyyah, kolej berkenaan.

سورة الزكاة

زكاة دان صدقه مباحوا بركة

كيت سبالي رعية دان قنودوق دنكارا ابن ولس امة برشكون بمراد كلبوه لوتلي بغ مها مليا قانك مري بكننا سلطان دان بغ دفرتوان دنكارا بروني دارالسلام لله فقركنكنن قنوبوهن نابوغ دان قنيسان مسجده دنكارا ابن كلبوه دوي بغ مها مليا ته برته فقركنكنن قنوبوهن نابوغ ترسوت مجلس بركنن برنكة لله مجلس مسابقة شراج القران بهاكنن دواسا فرينكة انجو كفتسان 1436 هجره / 2015 مسحي بغ برلقسوخ بقومنه فرسيدن انباربغسا، برانس بغ لاني.

دام مجلس ترسوت بكننا لله برينده، 3 ساه ساتو إشارة مري اجدرك اقران دان حرك حدث لبى صلى الله عليه وسلم ايله عينا مسجده ذات ثلثة اورغ 2 اسلام برهانة. عمان عينا مسجده ابن اذله ساه ساتو

* حمل بسر * بغ مشتاقن كسارن سلقا لومان. ملك نابوغ دان ابن ابن منجدي والله كنگل باكي اورغ 2 اسلام اتوق مباح بغ لاهلا كران عينا مسجده

سوروت لله بكننا لاني، اي اكن برلاكو سجارا كوستن سبالي ساتو قنواغ كلسن باكي اورغ 2 اسلام اتوق برنام سامع وانجو. سامع ايت صقن بونك سبلك ليني ترنككو لوله عقل، منكن لبى عينا صلى الله عليه وسلم برستا، مقصودك * برهنايف عينا مسجده كران الله، سكالون هانا سفرت سارغ بوروغ، ملك لله اكن عينا اتوقن رومه دهام فرك *

ايته حتى الله سبحانه وتعالى اكد اورغ 2 بغ عينا مسجده، دان لو قون نابوغ دان بغ د اورغ، ان شاء الله اكن عوفكنكنن كيت اورغ 2 اسلام دنكارا ابن اتوق برنكوسى هاروق باكي عقولوبى حتى ترسوت، سوا كوابن بغ تر كوفول اكن صلفكنن سبلكن اتوق عينا مسجده بهارو، ترنساوق بقرابكي مسجده بغ سبدا د نانا ساكن.

لوه بغ دنكنن، نورطرمي خاصن رعية دان قنودوق دنكارا ابن الله وسوق اتوق سامع مقصد قنواغ دان كسطلان كلسن ابن اتوق ملاكوكن عمل خاربه. كيت بردهاه حركه شكل عمل خاربه بغ كيت لايكوكن لطنن اسلامي اكن دنقا الله سبحانه وتعالى دان اكن مدافه كسارن بغ ولقة كندا سفران بغ لله وصيكنن لوله الله سبحانه وتعالى. آمين يارب العالمين.

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

مَنْزِلُ الَّذِينَ يُدْعُونَ أُمَّوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَا مَنَزِلُ حَيْوَةِ الْبُيُوتِ نَبِيْعٍ

سَتَأْتِي فِي كُلِّ سُنَّةٍ نَافَةٌ حَيْوَةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ

وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

(سورة البقرة آية 177)

قصود:

فرولمسان اورغ 2 بغ بيلساكن هرت مريك قد سلن لله سامه سفرت تمام سبكي بنه بغ منوبوهكن تومعه تكي، نف 2 ساتو تنكي قول مقنوطي سراقوس يحي. دان الله مقنودان لاهلا باكي سبيل بغ دكهنفن، دان الله مها لوس رعية دان ليمفه كران لاني مها مقنوي.

بذك الله لي في القرآن العظيم، ونفعا بالآيات والذكر الحكيم. وتقبل منا بلائنا إله هو الشيع العظيم، واستغفر الله العظيم لي ولكم ولسائر المسلمين والمسلمات والمؤمنين والمؤمنات المصنفرة، فبنا فبنا المستغفرين وبالغاة القابيل.

سالكمان بغ كيت كنهوي زكاة ايت زكاهكي كقد لوه امانت زكاة هرت دان زكاة فعول، اكن تانن حاسه زكاة اورطبع مجلس دنن تنبع زكاة هرت برينده زكاة فعول كران برانكنن بهوا زكاة بغ واحد ايله زكاة فعول سراج، كنهولده بهوا زكاة هرت ايت سام كواسنن دنن زكاة فعول اتوق دنكاراكن سله جو كوف شرط 2 لك.

سلفكننن اورغ بغ تيدان مباحو بچار زكاة قد حان دنن مقنوي اتوق بروان قنوكيه، ملك مريك اكن صغاب داحوة لني سالكمان فوجان لله سبحانه وتعالى عام سورة ال عمران آية 98:

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

وَالَّذِينَ آمَنُوا يَتَخَلَّوْنَ بِمَا بَنَيْنَاهُمْ مِنْ حُجْرٍ أَوْ حُرْمٍ مَأْوًى

يَكُونُوا مِنْكُمْ وَإِلَى اللَّهِ يَرْجِعُونَ

وَالَّذِينَ آمَنُوا يَتَخَلَّوْنَ عَلَيْهِمْ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

قصود:

دان حاشله سبالي - كالي اورغ 2 بغ حيل دنن اف بغ لله دنكاراكن لله كقد مريك فرقه كرابا كسورهنن (افكن مقولون هرت معلقن الله دن ليني مباحو حيار زكاة) ميكننا بهوا كسبلن ايت ملك باكي مريك بيكن سبون كسبلن ايت الله بوروي باكي مريك. مريك اكن دنكاراكن دنن اف بغ مريك كسبلن ايت لله حاري فلهه كلف. دان كنهوان الله حوكه سكلن وراهن (بغ ل) دلاخت دان دوسى. دان الله مها تين ترنكاف اف بغ كسبو كرحاكن.

سبلكم هون اورغ 2 بغ مقولون زكاة اكن مقولوبى كسارن بغ بس بركة الله سبحانه وتعالى، سالكمان فرمان الله سبحانه وتعالى دام سورة الروم آية 39:

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

وَمَا يَنْبَغُ لِمَنْ يَكْفُرْ أَنْ يَمْلِكَ فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَمَا يَنْبَغُ لِمَنْ كَفَرَ

وَمَا يَنْبَغُ لِمَنْ كَفَرَ أَنْ يَكُونَ فِي أَمْوَالِ النَّاسِ كَمَا كَانُوا فِي أَمْوَالِهِمْ

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

قصود:

دان قسبون (ربا) بغ كاسو ريكن دنن مقصود سقاي هي برجه قد هرت مانس ملك اي تيدق برجه دنسي الله دان قسبون زكاة اتر صغفه بغ كاسو ريكن كران مقنوني كرحاكن الله ملك مريك ايله اورغ بغ مدافه لاهلا برنكف كندا.

سالكن ايت، توجوان زكاة دنسركنن ايله اتوق مقالوبكن كسبان دنقا كقونن بغ كاي كقد كولونن بغ كورغ دكمنقون. دنن مباحو زكاة حوك، كيت دنقا مرسوهكن دنن دنقا صغفه 2 ماشومة (لرحلا) سفرت صغفه كدكوت، حسد فلكن، لوي هاني، سوموغ (لقل) دان سالكن حرك هرت ايت دنسركنن دنن سبلك 2 دان دنجان بغ بوك، سوده تنو اكن ترنكاف كنهويون داننرا كولونن كاي دان مسكبن. كمنن، سونون زكاة حوك دنقا دنسوق اخلاق منسومة (مليا) سفرت برنوي، قنوده، ولس برنوي لسور دان ولس مسقاني كقد كولونن بغ كورغ برانس دانك.

اورغ بغ حيار زكاة دنقا اكن حيسكن سسورغ ايت مسكبن لو كورغ هران كران دام زكاة دنسركنن بروفا * بركفة * الو كسركنن بغ دنسركنن الله سبحانه وتعالى كقد قنواغ دان قريها زكاة ترنساوق حوك قد هرت بغ لله دنكاراكن ايت مسكبن. وكه الله سوات نعمة الله بغ دنن دنقا دلهت دان مسورة لطان دنقا دنسوقي دان دنسوقي كسبن دام كنهويون سهارن. لوه ايت، دنن حيار زكاة كيت اكن دنسركنن كرحاكن برقد الله سبحانه وتعالى، دان مقنودان صغفه برشكون ترنكاف ليمه بغ دنكاراكن لوه الله سبحانه وتعالى دان مقنودان لاني حوبونن صغفه لرحيم انرا ساتو سام لاني.

مسلمين بغ درحمن الله

بكنو حوك حانن دنن برنكفه، اي حوك مقنويان كسبنن دان كسارن بغ برنكف. كندا سالكمان زكاة برنكفه حوك دنقا دنسركنن كسارن دان كسارن سرت دنقا دنسوق كولونن بغ كورغ دكمنقون دان دنقا دنسركنن صغفه لرحيم، سبيلن ايت موده اتوق كيت مقنودان صغفه سفرت دنابوغ 2 بغ دنسركنن دنسركنن، دنسركنن 2 ملن لله دان لاني 2، برماسوقه نابوغ دان باكي قنيسان مسجده دنكارا بروني دارالسلام.

الْحَنُفِةِ الْعَمَّةِ وَتَشْعِيبَةَ وَتَشْفِيزَةَ وَتَتَوْبَةَ إِلَيْهِ، وَتَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُوبِ الْغَيْبَةِ وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَهْلِهَا مَنْ يَهْدِيهِ اللَّهُ فَلَا تَحْتَمِلُ لَهُ، وَمَنْ يَضَلَّ فَلَا تَهْدِي لَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى هَذَا الرَّسُولِ الْعَظِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ يُبْعَثُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أما بعد:

بسم الله الرحمن الرحيم

أَلُوْسِكُمْ وَإِيَّيْهِ يَتَّقُونَ اللَّهُ وَمَا جِئَكُمْ بِشَيْءٍ

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِنَاءِ الَّذِينَ آمَنُوا أَتَقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ

وَلَا تُؤْمِنُونَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

(سورة آل عمران آية 102)

مسلمين بغ درحمن الله

ماريه كيت ميكنكنن كقونن كيت كقد الله سبحانه وتعالى دنن قونم كقبن دان كرحاصن دنن ملاكوكن سكلن سوروهن دان ميكنكنن سكلن لاني دنن مهندهن كيت سبالي انسان بغ برنكف دان برنكوي سرت سلامة دنيا دان سلامة دنرا.

مسلمين بغ درحمن الله

الحمد لله، الله سبحانه وتعالى لله مقولون كقد كيت برنكف نعمة، انارن ايله نعمة هرت كسبان. اكلام اسلام دنن هرت ايت سبالي اكره دنن امانه فرقه الله سبحانه وتعالى اتوق كيت كوروس دنن سبالي 2 سفرت ميكنكنن قد فركارا 2 بغ دانك دان برنكفه لوي نكفه كقد اورغ 2 بغ دنابوه تنكوفسبون، سرت مباحونن كانه فركارا 2 بغ برنكفن سفرت برنكفه دان له 2 لاني مقولونن ايله.

مقولونن زكاة مروفاكن ساه ساتو كولونن فرقه ووكونن اسلام بغ ليم لولن لله جو كوف شرط دان حونن. مقولونن زكاة مروفاكن لونه الله سبحانه وتعالى سالكمان فرمان دام سورة البقرة آية 111:

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ

قصود:

دان كسبو دنسركنن صغفه دان بارله زكاة.

رسول الله صلى الله عليه وسلم حوك له برستا دام سوره حديث: عن أبي عبد الرحمن عبد الله بن عمرو بن الخطاب رضي الله عنهما قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: لبي الإسلام على حسي: شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمداً رسول الله وإقام الصلاة وإيتاء الزكاة وحج البيت وصوم رمضان. (رواه الإمام مسلم)

قصود:

فرقد ابو عبد الرحمن، عبدالله بن عمرو الخطاب رضي الله عنهما دنن بركات: اكو مندر رسول الله صلى الله عليه وسلم برستا: اسلام دنسركنن ايس ليم فركارا: برنكسي بهوا تيد بغ برنكف دنسركنن لا دان بهوا لبى محمد اوتوسن الله، دنسركنن صغفه، مقولونن زكاة دنسركنن فرض حاج دان برنكوي دنون رمضان.

مسلمين بغ درحمن الله

Hakim Syar'ie disaran berfikiran positif

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Januari. - Hakim-Hakim Syar'ie disaran supaya mempunyai sikap sentiasa bermotivasi tinggi bagi



Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim menyampaikan penghargaan perkhidmatan Mahkamah-Mahkamah Syariah kepada kakitangan yang cemerlang dalam perkhidmatan.

e-Syariah tingkatkan kecekapan dan produktiviti

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Januari. - Sistem e-Syariah memberi kemudahan kepada pihak Mahkamah dan juga orang awam termasuk membolehkan mereka membuat permohonan pra pendaftaran serta membuat perkiraan Faraid secara selapis melalui atas talian dan pengeluaran kad nikah untuk permohonan perkahwinan yang baharu.

Menurut Ketua Pendaftar Mahkamah-Mahkamah Syariah, Awang Haji Hassan bin Haji Metali, sistem e-Syariah berkenaan merupakan antara projek besar yang dikendalikan oleh pihak Mahkamah dengan sokongan padu daripada Jabatan Kehakiman, Jabatan Perdana Menteri.

"Ia merupakan salah satu projek yang termasuk dalam perancangan lima tahun Mahkamah 2013 - 2017," katanya semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada Majlis Perhimpunan Tahunan Mahkamah-Mahkamah Syariah 2017 dan Pelancaran Sistem e-Syariah di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jalan Stoney, di sini.

Pelancaran sistem e-Syariah pada majlis tersebut disempurnakan oleh Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sistem e-Syariah dijangka akan meningkatkan kecekapan dan produktiviti mahkamah, yang mana sistem tersebut menyediakan hakim-hakim dan pendaftar-pendaftar, akses kepada fail-fail kes dari mana-mana lokasi dan ia juga membolehkan akses serentak ke



Ketua Pendaftar Mahkamah-Mahkamah Syariah, Awang Haji Hassan bin Haji Metali semasa berucap pada majlis tersebut.

mana-mana fail kes oleh lebih daripada satu orang pada masa yang sama.

Sistem ini dijangka akan memendekkan jangka masa proses kes dan akan menghasilkan satu keputusan yang lebih cepat bagi pemfailan dan mendapatkan semula dokumen.

Sementara itu, portal e-Syariah pula mengandungi prosedur-prosedur dan peraturan-peraturan Mahkamah yang dilaksanakan secara atas talian (*online*), yang mana orang ramai boleh membuat sebarang pertanyaan atau kemusykilan mengenai perkhidmatan, prosedur Mahkamah dan sebagainya bagi menjadikan Mahkamah Syariah lebih telus.

Pengiraan Faraid secara atas talian bagi orang ramai melalui portal berkenaan pula dapat memberikan keputusan pengiraan dengan tepat dan cepat yang mana pengguna boleh membuat pengiraan semua jenis tuntutan Faraid secara selapis (melibatkan satu generasi).

memperbaiki mutu kerja, di samping berpandangan jauh serta fokus dengan setiap pekerjaan yang dilakukan bagi memastikan mutu kerja yang dilakukan berkualiti dan efisien.

Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar berkata, mereka juga harus sentiasa berfikiran positif dalam apa jua perkara serta hendaklah sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni semasa melaksanakan pekerjaan.

Yang Amat Arif / Yang Berhormat juga berharap supaya pihak pengurusan Mahkamah akan dapat membuat beberapa penambahbaikan berhubung dengan sistem kerja serta keperluan pegawai dan kakitangan Mahkamah agar sentiasa bertambah lebih baik dari yang sedia ada.

"Begitu juga dengan keperluan orang ramai berhubung dengan kemudahan perkhidmatan yang disediakan agar memenuhi kehendak yang bersesuaian," ujar Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Perhimpunan Tahunan Mahkamah-Mahkamah

Syariah Kedua yang diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jalan Stoney, di sini.

Yang Amat Arif / Yang Berhormat seterusnya memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Awal Tahun Baharu Masihi 2017 yang antara lain mengingatkan pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam supaya menerapkan disiplin dan amanah dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Menurut Yang Amat Arif / Yang Berhormat, disiplin bekerja tersebut meliputi ruang lingkungan yang luas yang perlu dipatuhi dan diikuti serta mengelakkan diri dari melanggar apa jua yang ditetapkan oleh pihak Perkhidmatan Awam atau organisasi yang mana kita berkhidmat terutama dalam menyelesaikan tugas asasi, lebih-lebih lagi yang melibatkan urusan dan kepentingan orang awam atau pelanggan.

Pada majlis tersebut, Ketua Hakim Syar'ie turut menyempurnakan pelancaran Sistem E-Syariah Negara



Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Tahunan Mahkamah-Mahkamah Syariah Kedua.

Brunei Darussalam.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian penghargaan perkhidmatan Mahkamah-Mahkamah Syariah kepada kakitangan Mahkamah Divisen III, Divisyen IV dan Divisyen V yang cemerlang dalam perkhidmatan di Mahkamah Syariah.

Turut hadir, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Arif / Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin; pengarah-pengarah dan ketua-ketua jabatan dari pelbagai agensi serta pegawai-pegawai kehakiman.

Ihya Maulidur Rasul semarakkan syiar Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah supaya kita tidak berhenti memperingati Hari-Hari Kebesaran Islam dan terus melakukannya sebagai usaha untuk memperkaya semangat kita sendiri dalam menjulang Islam di mata dunia dan, di samping itu mengambil munafaat daripadanya walaupun orang lain tidak melakukannya.

Sehubungan itu, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong telah mengadakan Majlis Ihya Maulidur Rasul bagi Kelas Bimbingan Muslimah Daerah Brunei Muara 1438 Hijrah / 2017 Masihi di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Zalinah binti Haji Omar.

Turut hadir, isteri Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Datin Hajah Norliana binti Haji Aarif Lim; isteri Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU, Dayang Hajah Sarimah



Isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Zalinah binti Haji Omar semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ihya Maulidur Rasul bagi Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Daerah Brunei dan Muara.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

binti Haji Abu Bakar; isteri Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU, Dayang Normah binti Haji Ahmad; pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEU dan Muslimah-Muslimah Masjid Daerah Brunei Muara.

Majlis merupakan kegiatan tahunan yang dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU dengan kerjasama

Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, bertujuan untuk menyemarakkan lagi sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam dan sama-sama berpatisipasi dalam mengembangkan syiar Islam, selain memakmurkan masjid dan mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEU dengan jemaah masjid dan penduduk kampung khususnya wanita.



ANTARA jemputan yang hadir pada majlis tersebut.

Ristaan Sejarah I : Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam

Oleh : Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dengan kerjasama Meja Kandungan Khas Pelita Brunei

PENDAHULUAN

INSTITUT Pengajian Islam Brunei Darussalam (IPIBD), atau ringkasnya dipanggil IPI sahaja adalah sebuah pusat pengajian tinggi Islam yang pertama di negara ini yang mana pada masa itu belum lagi wujud universiti Islam. Ini berdasarkan pada tahun 1956 telah ditubuhkan pengajian agama peringkat rendah (mengikut sistem pelajaran agama di negeri Johor), di mana beberapa buah sekolah agama telah diwujudkan di seluruh negara dengan menggunakan bangunan sekolah umum yang sedia ada. Sementara pada tahun 1966 dan 1967 dua buah sekolah Arab telah ditubuhkan yang mempunyai bangunannya sendiri untuk pelajar lelaki dan perempuan secara berasingan. Dan pada tahun 1972, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pula telah memulakan pengajiannya bagi mengeluarkan guru-guru agama tempatan yang diperlukan tanpa terus bergantung kepada guru-guru agama dari luar negara. Maka kemunculan IPI pada tahun 1988 itu adalah merupakan satu rahmat kurnia Allah Subhanahu Wata'ala untuk meninggikan pengajian Islam di Negara Brunei Darussalam.

Kesan-kesan zahir fizikal IPI seperti wujud bangunannya sendiri tidak kelihatan. Ia tidak sempat menikmati bangunannya itu walaupun ada perancangan berbuat demikian. Namun IPI tetap wujud dalam sejarah. Inilah saya cuba berusaha untuk sebanyak sedikit merekodkannya bagi rujukan dan ristaan serta menyelidiki generasi akan datang. Khasnya penulis sendiri terlibat dalam perkembangan IPI selama sembilan tahun (lima tahun sebagai Timbalan Pengarah dan Pemangku Pengarah, mulai tahun 1991 - 1995. Sementara empat tahun lagi sebagai Pengarah IPI mulai 1996 - 1999).

Rahmat tersebut bermula dari warkah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Bil. HMPO 5/1981/V bertarikh 21 Disember, 1987 yang telah memperkenankan penubuhan IPI pada tahun 1988 di bawah pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam, yang mana Menteri Hal Ehwal Ugama pada masa itu ialah Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, dan Setiausaha Tetap antaranya Dato Paduka Haji Abdul Saman bin Kahar. Warkah tersebut antara lain mengandungi maksud bahawa pada peringkat awalnya institut ini hanya akan menawarkan kursus-kursus peringkat sijil dan diploma

sahaja. IPI tidak akan mengendalikan kursus peringkat ijazah melainkan jika ada keperluan untuk membuat kajian lanjut mengenainya.

IPI memulakan operasinya dengan meminjam sebahagian dari bangunan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada tahun 1988 itu. Setahun kemudiannya ia telah dipindahkan pula ke bangunan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkia secara pinjaman juga, ini berikutan berpindahannya sebahagian pelajar sekolah tersebut ke Ma'had Islam Brunei di Tutong. Kedua-dua bangunan tersebut terletak di Km. 2, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan.

Awang Haji Mohd. Salleh bin Abdul Latif antara lain menulis : "Kursus Diploma Pengajian Islam merupakan kursus sepenuh masa, iaitu selama tiga tahun akademik atau enam semester. Setiap tahun akademik dibahagikan pada dua semester yang mengambil masa 14 minggu bagi setiap semester tidak termasuk cuti. Diploma Pengajian Islam ini mempunyai tiga jabatan, iaitu Jabatan Syariah, Jabatan Usuluddin dan Jabatan Pendidikan. Setiap jabatan mempunyai seorang ketuanya. Walaupun Diploma Pengajian Islam mempunyai tiga jabatan, namun setiap jabatan dikehendaki mengikut semua kursus yang ditawarkan dalam tahun satu dan tahun dua, iaitu semester satu hingga semester empat. Dan peringkat pengkhususan hanyalah bermula pada tahun tiga, iaitu semester lima dan semester enam. Dalam peringkat ini pelajar akan disalurkan sama ada ke Jabatan Syariah atau Jabatan Usuluddin atau Jabatan Pendidikan. Pastinya Bahasa Arab menjadi bahasa penghantar IPI itu."

Awang Haji Mohd. Salleh meneruskan tulisannya : "Pada keseluruhannya bahawa model pembelajaran atau model studi di IPI adalah mengikut model studi di Universiti Al-Azhar. Bahasa penghantarnya ialah bahasa Arab. Masa terus meniti dan IPI turut berkembang dengan tambahan dua jabatan baharu, iaitu Jabatan Bahasa Arab dan Jabatan Al-Quran. Institut ini juga mempunyai sistem bimbingan, iaitu seorang pensyarah hendaklah mengambil di antara satu hingga lima orang pelajar untuk memberi bimbingan penuh ke atas hal pelajar. Bimbingan merangkumi semua aspek terutama dalam hal akademik dan kebajikan pelajar, pensyarah berkenaan menjadi tempat rujukan bagi hal ehwal kemajuan pelajar tersebut sepanjang tahun akademik." (Haji Mohd. Salleh Abdul Latif, 2004 : 193).

TENAGA PENGURUSAN

IPI mempunyai sebuah majlis yang dipanggil sebagai Majlis IPI. Majlis ini dipengerusikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato

Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama (kini dikenali sebagai Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim). Setiausahanya ialah Pengarah IPI sendiri. Penolong Setiausaha Majlis IPI ialah Timbalan Pengarah IPI.

IPI mempunyai Pengarahnya yang pertama, iaitu Awang Haji Mohd. Jali bin Abdul Latif (kemudian dikenali sebagai Dato Seri Setia Haji Mohd. Jali bin Abdul Latif) selama lebih kurang tiga tahun (1989 - 1992), apabila beliau melanjutkan pelajaran maka jawatan Pengarah dipangku oleh Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman (1992 - 1995) (kemudian dikenali sebagai Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman) yang mana pada masa itu beliau (penulis) adalah Timbalan Pengarah, seterusnya menjadi Pengarah (1996 - 1999). Kemudian Timbalan Pengarah dipegang oleh Ustazah Hajah Masnon binti Haji Ibrahim (kini dikenali sebagai Datin Paduka Dr. Ustazah Hajah Masnon binti Haji Ibrahim), sementara Ketua Jabatan Usuluddin (Dr. Sayyid Muhammad Aqiel Ali Al-Mahdaly), Ketua Jabatan Syariah (Dr. Haji Abdul Aziz bin Haji Hanafi), Ketua Jabatan Bahasa Arab (Dr. Arief Karkhi Abukhudairi), Ketua Jabatan Al-Quraan (Drs. Haji Mirwan Batubara), Ketua Jabatan Pendidikan (Dr. Wan Hussain Azmi bin Wan Abdul Kadir), dan Ketua Perpustakaan (Awang Haji Suhaimi bin Haji Abdul Karim).

IPI juga di sepanjang kewujudannya mempunyai seorang Penasihat Pengajian Islam secara kontrak yang dipegang oleh Profesor Dato Dr. Haji Othman bin Haji Ishak dari Kedah, Malaysia, dan dua orang Setiausaha Akademik secara berturut-turut (Awang Haji Abdul Kahar bin Haji Hussain dan Dayang Hajah Zalinawati binti Haji Mohaimin).

TENAGA AKADEMIK

Ada lebih 30 orang tenaga akademik IPI untuk menjalankan semua kursusnya. Antara pensyarah yang mengajar di IPI ialah Profesor Dato Dr. Haji Othman bin Haji Ishak, Profesor Dato Paduka Seri Setia Dr. Haji Mahmud Saedon bin Awang Haji Othman, Profesor Dr. Abdul Aziz Mohamed Azzam, Profesor Dr. Mohamed El-Said Ali Ibrahim Abu Rabbuh, Profesor Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Anwarullah bin Haji Saifullah, Profesor Madya Dr. Haji Wan Husain @ Azmi bin Haji Wan Abdul Kadir, Dr. Sayyid Muhammad Aqiel bin Ali Al-Mahdaly, Dr. Haji Abdul Aziz bin Haji Hanafi, Ustaz Haji Ahmad Haji Ali, Ustaz Dr. Haji Abdullah bin Haji Ibrahim, Ustaz Haji Zaharuddin bin Haji Ahmad, Ustaz Ali Mustafa Ali, Ustaz Pengiran Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman, Ustazah Hajah Masnon binti Haji Ibrahim, Profesor Madya Dr. Mohammad Hassan Abdul Latif Ali, Dr. Arif Karkhi Abukhudairi, Dr. Sajidur Rahman Siddiqi, Dr. Saleh Abdul Hadi Saleh, Dr. El Sayyid Moustafa Hussein Shehatah, Ustaz Haji Mohd. Jali Abdul Latif, Ustazah Hajah Aishah binti Orang Kaya Maharajalela Haji Yusof, Ustazah Hajah Norzainah binti Haji Md. Tahir, Mr. Somasundram Saravanabavanandan, Mr. Musarrat Hussain, Drs. Haji Mirwan bin Haji Batubara, Drs. Haji Mohd. Thabir bin Taha Al-Hafiz, Ustazah Hajah Siti Mahyana binti Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Yahya, Dayangku Jauyah binti Pengiran Haji Md. Zaini, Ustaz Mohd. Zainal Arifin bin Ridwan Lubis, Ustaz Haji Hamzah bin Haji Mamat, El Said El Sayyid bin Abdul Wahid Gadalla, Dr. Abdul Maqsoud, Haji Besar bin Haji Abu Bakar, Ustazah Hajah Zaleha binti Haji Abu Salim. Nama-nama tersebut adalah antara yang pernah menyumbang menjadi pensyarah atau guru di IPI. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada mereka telah pulang ke rahmatullah, semoga sumbangan mereka diterima Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amal jariah, amin. Peranan



aktif beberapa orang pensyarah dalam berdakwah ke media massa dan ke tengah masyarakat sebagai penceramah, ahli forum, pensyarah, moderator dan sebagainya adalah sangat berharga. Hal tersebut telah menjadikan nama IPI turut harum dan menjadi sebutan masyarakat.

OBJEKTIF PENUBUHAN

Institut ini ditubuhkan, antara lain adalah dengan objektif-objektif berikut :

- Mengeluarkan pelajar-pelajar yang berkemampuan dalam bidang pendidikan dan pengajian Islam.
- Meninggikan taraf pelajaran agama di negara ini dan seterusnya membantu pencapaian cita-cita ke arah pembentukan masyarakat dan bangsa yang mengamalkan dan menghayati ajaran agama Islam dan di atas landasan akidah Ahli Sunnah Waljamaah dan Mazhab Shafi'i dan sebagai cara hidup yang lengkap serta mendukung konsep negara Melayu Islam Beraja.
- Mengeluarkan pelajar-pelajar yang berkemampuan serta berjiwa Islam bagi memenuhi keperluan negara dalam bidang ilmiah, pendidikan, dakwah dan lain-lain yang bersesuaian selaras dengan kehendak pembangunan masyarakat dan negara yang beriman, berilmu, beramal, bertakwa dan berakhlak tinggi.
- Menggalakkan serta menyediakan kemudahan dalam penyelidikan mengenai dengan usaha-usaha pada mendukung dan menghormati kerasmian agama Islam menurut Perlembagaan dan lain-lain kajian ehwal Islam yang bertujuan untuk meluaskan bidang-bidang penyelidikan bagi menambah fakta-fakta ilmu pengetahuan.

MEMULAKAN KURSUS

IPI memulakan kursus Diploma Pengajian Islamnya pada 2 Julai 1989 dengan pengambilan seramai 31 pelajar. Pengambilan yang tidak ramai ini adalah kerana memenuhi syarat-syarat kemasukan yang agak ketat lagi pun pemegang Sijil STPUB sebahagiannya pula terpilih untuk dihantar ke Universiti Al-Azhar. Institut ini menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa penghantar bagi kursus Diploma Pengajian Islam. Ini bermakna semua mata pelajaran yang diajarkan adalah dalam Bahasa Arab kecuali Bahasa Inggeris, Penal Code dan Kenegaraan / Tamadun Islam dan lainnya.

Antara syarat untuk mengikuti kursus Diploma Pengajian Islam ialah pemohon hendaklah memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) atau yang sebanding dengannya. Sijil tersebut setaraf dengan 'A' Level'. Diploma ini mengambil masa tiga tahun untuk tamat. Diploma ini walaupun disetarafkan dengan Higher National Diploma (HND), namun sebenarnya ia adalah lebih tinggi lagi dilihat dari faktor masa pengajian kerana HND lazimnya dapat ditamatkan dalam tempoh dua tahun setengah, sedangkan Diploma Pengajian Islam mengambil masa tiga tahun.

BERSAMBUNG



INSTITUT Pengajian Islam Brunei Darussalam memulakan operasinya dengan meminjam sebahagian daripada bangunan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada tahun 1988.

Ahli Pengawasan Kejiranan terima surat lantikan

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Januari. - Seramai 10 orang Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung yang baharu menerima surat pelantikan pada majlis yang diadakan di kediaman Ketua Kampung Kawasan 3 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Penghulu Mukim Berakas 'B', Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Majlis turut dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan dari Unit Pengawasan Kejiranan, Balai Polis Berakas serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 3.

Penyampaian surat pelantikan disempurnakan oleh tetamu kehormat dan diikuti oleh Ketua Kampung Kawasan 3.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Haji Ali Akbar bin Haji Ali disusuli kemudian dengan ucapan alu-aluan dari Ketua Kampung Kawasan 3 RPN Lambak Kanan, Awang Haji Mahir bin Mohd. Yusof.

Dalam ucapannya, Awang Haji Mahir mengingatkan ahli-ahli yang dilantik untuk sama-sama bekerjasama menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Salah seorang penerima surat lantikan, Pengiran Haji Husain bin Pengiran Haji Yusof semasa ditemui berkata, beliau akan menaani tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaiknya. Beliau yang merupakan seorang pesara dari Pasukan Polis Diraja Brunei selama lebih 37 tahun berasa bersyukur atas lantikan tersebut dan melahirkan kesediaannya untuk berkongsi pengalaman yang diperoleh semasa berkhidmat dalam pasukan beruniform.

Sementara itu, menurut wakil daripada Unit Pengawasan Kejiranan, Balai Polis Berakas, Sarjan 3094 Azlan bin Haji Emrin, sehingga kini sebanyak 10 buah kampung menubuhkan Pengawasan Kejiranan Kampung di bawah tadahan Balai Polis Berakas.

Kampung Kawasan 3 RPN Lambak Kanan mempunyai seramai 3,300



PENGHULU Mukim Berakas 'B', Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon (duduk, tiga dari kiri) bergambar bersama ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung yang baharu.

orang penduduk dan mula menubuhkan Pengawasan Kejiranan Kampung pada tahun 2015.

Dialog beri peluang berinteraksi



SESI dialog di antara Pihak Berkuasa Yang Layak Kawalan Pemecahan dan Penyatuan Tanah dan Juruukur Tanah Berlesen (LLS) memberi peluang khususnya kepada pemohon LLS untuk berinteraksi dan mengadakan perhubungan dua hala dengan agensi kerajaan yang berkenaan bagi membincangkan isu-isu semasa yang dihadapi.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa

BANDAR SERI BEGAWAN. - Sesi dialog di antara Pihak Berkuasa Yang Layak Kawalan Pemecahan dan Penyatuan Tanah (PBYLKPT) dan Juruukur Tanah Berlesen (Licensed Land Surveyors - LLS) telah diadakan pada 22 Rabiulakhir 1438 Hijrah bersamaan 21 Januari 2017 Masihi, bertempat di Dewan Indera Pahlawan, Pusat Ujian Kemahiran Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada sesi dialog tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah.

PBYLKPT merupakan pihak berkuasa yang bertanggungjawab memproses permohonan pemecahan dan penyatuan tanah di negara ini dan dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, dan ahli-ahlinya terdiri daripada Pesuruhjaya Tanah, Juruukur Agung, Pengarah Perkhidmatan Elektrik, Pengerusi Lembaga Bandaran, Pengarah Jalan Raya dan Pengarah Saliran dan Pembetulan, Jabatan Kerja Raya.

Sebanyak 13 buah syarikat telah didaftarkan di bawah Lembaga LLS yang berperanan selaku agensi yang dilantik bagi menghadapi permohonan pemecahan dan penyatuan tanah kepada PBYLKPT bagi mendapatkan kebenaran

pemecahan dan penyatuan tanah.

Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi di dalam ucapan beliau menyatakan bahawa proses Kawalan Pemecahan dan Penyatuan tanah yang efisien adalah merupakan *milestone* penting di dalam mendatangkan kesan positif ke kawasan bandar dan desa serta dapat menjamin kehidupan yang aman, selesa dan harmoni dan dapat mewujudkan susun atur tanah serta alam bina yang teratur dan mampan.

"Sebagai contoh, penetapan kelebaran jalan laluan dan ruang garis bangunan tertentu ataupun keluasan minima plot tanah pemecahan berdasarkan pada syarat khas tanah dan sebagainya mempunyai rasional tertentu bagi mewujudkan susun atur tanah yang lebih teratur dan mampan," tambahnya.

Turut hadir pada sesi dialog berkenaan, Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, Awang Shahrom bin Haji Awang Suhaimi, selaku Pengerusi PBYLKPT, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di bawah Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya, serta para LLS.

Sesi dialog pada sebelah pagi itu merupakan program tahunan Jabatan Perancang Bandar dan Desa selaku

Pengerusi PBYLKPT di dalam memberi peluang khususnya kepada pemohon LLS untuk berinteraksi dan mengadakan perhubungan dua hala dengan agensi kerajaan yang berkenaan bagi membincangkan isu-isu yang dihadapi semasa dalam memproses permohonan pemecahan / penyatuan tanah. Ia merupakan platform bagi para LLS untuk mengajuka n soalan semasa sesi soal-jawab, dan seterusnya memberi peluang kepada Ahli-ahli Pihak Berkuasa untuk berkongsi maklumat dan mengadakan perbincangan dua hala di dalam sama-sama meningkatkan mutu perkhidmatan serta kualiti pelan cadangan susun atur tanah melalui pendekatan kawalan pemecahan dan penyatuan tanah yang bersepadu yang mana memerlukan komitmen berterusan daripada berbagai-bagai pihak.

Aktiviti utama sesi dialog tersebut telah menyusun beberapa sesi taklimat yang telah disampaikan oleh wakil ahli-ahli pihak berkuasa serta membincangkan beberapa isu berkenaan dengan proses untuk mendapatkan kebenaran pemecahan / penyatuan tanah dan keperluan bagi pematuhan untuk mematuhi parameter perancangan atau keperluan teknikal jabatan-jabatan berkenaan. Pada akhir sesi taklimat, sesi soal jawab telah dibukakan bagi memberi peluang para LLS untuk mengajukan soalan dan membincangkan beberapa perkara berbangkit.

Takmir Masjid Kampung Batu Marang adakan pelbagai aktiviti

Berita : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Batu Marang

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Januari. - Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Batu Marang tahun ini akan mengusahakan pelbagai aktiviti atau majlis seperti yang dirancang.

Menurut Timbalan Setiausaha, Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi, pada majlis pelantikan baharu AJK Takmir pada November lalu, AJK Takmir telah berusaha dengan mengadakan Majlis Berdikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam secara formal dengan mengadakan penyampaian Anugerah Khas kepada Penaung, iaitu Penghulu Mukim Mentiri, Pengarah Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Naim dan kepada Pengiran Haji Merali bin Pengiran Ismail yang sebelum ini menjawat Pengerusi serta Timbalan Pengerusi Takmir dan kini menjawat selaku Penasihat.

Majlis ceramah sempena sambutan maulud nabi juga tidak ketinggalan diadakan sehari sebelum majlis penutup dikir yang telah disampaikan oleh Awang Haji Samali bin Haji Adam.

Pada bulan Januari ini, AJK Takmir meneruskan lagi Kursus Fardu Kifayah bagi peserta lelaki yang akan diadakan pada Ahad, 29 Januari ini bermula jam 7.45 pagi bertempat di masjid berkenaan selama sehari dan diteruskan dengan penyampaian sijil kepada peserta kursus, setakat ini seramai 50 orang telah mendaftar.

Dalam bulan Februari nanti AJK Takmir akan mengadakan Kejohanan Futsal Belia kali pertama terbuka kepada belia-belia yang tinggal di Kampung Batu Marang sahaja.

Pada 7 Februari akan diadakan taklimat kejohanan yang akan disampaikan oleh Penyelia Hal Ehwal Belia, Awang Ismawi bin Haji Maidin.

Sementara itu, pada 11 Februari pula akan diadakan Ceramah Motivasi Belia yang akan disampaikan oleh Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abd. Ghafor; 12 Februari Kejohanan Futsal di Gelanggang Futsal Kampung Kapok dan 14 Februari akan diadakan muzakarah AJK Takmir bulanan ketiga.

Manakala itu pada 26 Februari akan diadakan Kursus Fardu Kifayah bagi peserta perempuan.

Dengan adanya aktiviti dan majlis tersebut dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan masyarakat bersama AJK Takmir Masjid.

Karnival Belia Cinta Rasul bermula 26 Januari

Siaran Akhbar : Ihsan Battle Pro Marketing & Management Services

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Januari. - Untuk terus memberikan galakan kepada para pengusaha tempatan di negara ini mengembangkan perniagaan mereka, Battle Pro Marketing & Management Services dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan (JBS) akan menganjurkan 'Karnival Belia Cinta Rasul 2017' bermula 26 hingga 29 Januari 2017 yang akan berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Karnival akan dibukakan bagi kunjungan orang ramai setiap hari bermula jam 11.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali Jumaat bermula jam 2.00 petang hingga 10.00 malam.

Pelbagai aktiviti teras berbentuk pertandingan, ceramah dan persembahan-persembahan yang menjurus ke arah melahirkan dan menyemai rasa cinta kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sempena Sambutan Maulud Nabi 1438 Hijrah akan dimuatkan sepanjang berlangsungnya karnival berkenaan.

Selain itu, pertandingan-pertandingan yang menarik seperti Pertandingan Dikir Daba'ie; Pertandingan Hafalan Surah Al-Mulk dan Pertandingan Tiga Selawat Utama juga akan diadakan yang kesemuanya dibukakan kepada kanak-kanak yang berumur 10 tahun ke bawah (Kategori 'A') dan remaja berumur 11 hingga 15 tahun (Kategori 'B') yang beragama Islam.

Orang ramai dialu-alukan untuk merebut peluang membeli-belah sambil beramal bersama pihak penganjur.

MPK Kiudang berjaya raih Anugerah Pelancongan ASEAN



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung (tengah) selaku Penasihat Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kiudang hadir menyambut kedatangan Ahli-Ahli MPK Kiudang yang menerima Anugerah ASEAN Community Based Tourism 2017 - 2019 di Singapura.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Januari. - Dua wakil dari Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kiudang yang telah hadir bagi menerima Anugerah Pelancongan Berasaskan Komuniti ASEAN di Singapura selamat kembali ke tanah air.

Setiausaha MPK Kiudang, Awang Haji Saifulbahri bin Haji Umarali dan Timbalan Pengerusi selaku Biro Kemasyarakatan, Pelancongan dan Perhubungan Awam MPK Kiudang, Awang Muhammad Amir bin Haji Umarali menerima anugerah berkenaan di Forum Pelancongan ASEAN 2017 pada 20 Januari yang lalu.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei mengalu-alukan kepulangan mereka, Ahli Majlis Mesyuarat Negara merangkap Penasihat MPK Kiudang, Yang Berhormat Awang Haji Umarali

bin Esung.

Juga hadir, pegawai-pegawai

kanan dari Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP) dan Jabatan Daerah Tutong serta penghulu juga Ahli-ahli MPK Kiudang.

Awang Muhammad Amir, ketika ditemui Pelita Brunei



GAMBAR kenangan bersama Pengarah Pelancongan dan Ahli-ahli MPK Kiudang.

berkata, MPK Kiudang memang telah menjalankan aktiviti pelancongan sejak dahulu lagi dan telah dikenal pasti serta disenaraikan sebagai antara kampung-kampung yang bergiat aktif dalam industri pelancongan untuk penilaian oleh JKP.

"Alhamdulillah, MPK Kiudang telah berjaya mencapai ke tahap piawaian pelancongan ASEAN berdasarkan penilaian tersebut," jelas beliau.

Beliau menambah, dengan adanya anugerah tersebut, ia merupakan satu *benchmark* untuk mereka mengetahui tahap industri pelancongan di Kampung Kiudang.

Beliau juga berkata, dengan adanya anugerah-anugerah pelancongan lain di peringkat ASEAN, MPK Kiudang akan cuba untuk meningkatkan lagi usaha ke arah pelancongan dengan bantuan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Bukan sahaja Kampung Kiudang, malahan kami turut bersedia untuk membantu kampung-kampung lain untuk mencapai tahap tersebut,"

ujarnya.

Anugerah Pelancongan Berasaskan Komuniti ASEAN memberi penghargaan dan pengiktirafan di peringkat ASEAN kepada pihak-pihak berkepentingan yang mengikut piawaian-piawaian yang diguna pakai oleh negara-negara ahli ASEAN dalam sektor pelancongan.

Dalam pada itu, MPK Kiudang melalui Biro Pelancongan Kampung Kiudang telah pun layak berdasarkan penilaian lawatan audit yang diadakan oleh JKP, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada tahun lalu.



TIMBALAN Pengerusi selaku Biro Kemasyarakatan, Pelancongan dan Perhubungan Awam, Awang Muhammad Amir bin Haji Umarali, semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

Sebarkan karya penulis ke seluruh Nusantara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Januari. - Karya antropologi puisi yang dimuatkan dalam Buku Tekad yang mengandungi lebih daripada 50 karya sastera yang termasuk lirik lagu boleh mencerminkan pelbagai inti sari sesebuah karya yang berupaya mendekatkan masyarakat dengan nilai-nilai patriotik, nasionalisme, budaya Melayu Islam Beraja, kekeluargaan dan ugama.

Demikian jelas Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus semasa berucap selaku tetamu kehormat sempena Majlis Rasmi Jelajah Buku Tekad bersama Coffee Bean dan Tea Leaf di The Mall Gadong.

Menurutnya, karya-karya penulis haruslah dipromosikan dan tersebar di seluruh Nusantara. Dalam usaha gigih seperti ini amat memerlukan kerjasama yang padu dari semua pihak termasuklah di dalam penyediaan ruangan penyiaran dalam pelbagai media cetak dan elektronik seperti akhbar, majalah, radio, televisyen dan media sosial.

Terdahulu dalam ucapannya, penggunaan bahasa sastera bermatlamat ke arah membina perkembangan bahasa. Dalam konteks pendidikan, interaksi pelajar dengan bahan sastera memberi ruang kepada pelajar mengasah kemahiran membaca dan kefahaman.

"Kemahiran berbahasa diperluaskan dengan interaksi pelajar dengan

keindahan bahasa yang terpancar dalam karya sastera. Pelajar dapat mengenal pasti gaya bahasa dalam karya sastera, menganalisis gaya bahasa dan unsur bunyi dalam karya sastera," jelasnya.

Juga hadir, Dayang Hajah Karmila binti Haji Sapar atau dikenali sebagai Kris Karmila iaitu seorang penulis wanita Brunei Darussalam yang proaktif dalam bidang penulisan puisi dan lirik (lagu-lagu puisi) dan telah berjaya menghasilkan Buku Tekad yang telah dilancarkan pada 8 Oktober 2016. Dia merupakan pendeklamator yang sangat aktif mendeklamasikan puisi baik di dalam negeri atau di luar negeri dan telah berjaya menghasilkan 50 karya sastera termasuk lirik lagu yang dihimpunkan dalam Buku Tekad.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para penaja dan sukarelawan yang sama-sama menjayakan keberhasilan Buku Tekad.



PEMANGKU Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Haji Rosli (kanan) menyampaikan sijil kepada para penaja yang turut menjayakan Jelajah Buku Tekad.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 07/01/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 23 JANUARI 2017
TARIKH TUTUP: 06 FEBRUARI 2017

1. OPERATOR CONSOLE

E.2-3 EB.4
BAHAGIAN V
JABATAN-ARAH PENTADBIRAN
TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
KEKOSONGAN: 1

2. TUKANG LUKIS

E.1-2-3 EB.4
BAHAGIAN V
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
KEKOSONGAN: 2

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:



TALIAN DARUSSALAM 123



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :**

IV & V

KATEGORI :
(B01, KA01, E01, M01,
KPME01 SAHAJA) - (KOD BAHARU)

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :**
24 JANUARI 2017 (SELASA)
TARIKH TUTUP :
14 FEBRUARI 2017 (SELASA)
**TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG**

**BIL. : JKR/DTS/21/CQS/2016-T/V
NAMA PROJEK :**
**PROPOSED BUILDING
FOR CARGO X-RAY MACHINE**

NO. PROJEK : JKR/DTS/SP/13/2016

**YURAN TAWARAN : BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : -**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 11 Januari 2017.

SURAT KUASA PUSAKA :
LA/03/2017

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DAYANGKU MASLINDA BINTI PG. HJ. AHMAD** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ROSLEE BIN HAJI SUAMI @ HAJI AWANG** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **31 JANUARI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 11 Januari 2017.

SURAT KUASA PUSAKA :
LA/18/2017

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SITI AMAT BINTI HAJI HALID** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MOHAMAD BIN HAJI SALLEH** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **24 JANUARI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 16 Januari 2017.

SURAT KUASA PUSAKA :
LA/10/2017

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DAYANG HASNAH BINTI AWANG SAPRI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAISHA BEEVI BINTI HAJI A. A MOHAMMAE HANEEFA** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **24 JANUARI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 Januari 2015.

SURAT KUASA PUSAKA :
LA/15/2017

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HJH. NORHANI BINTI HAJI METUSSIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AWANG HAJI METUSSIN BIN RAMAN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN** pada **7 FEBRUARI 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 12 Januari 2017.

(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)
Penolong Pegawai Waris
Negara Brunei Darussalam

Ukur pencapaian pendidikan negara melalui penilaian antarabangsa

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jawatankuasa Kerja Kumpulan Bertindak Kementerian Pendidikan (Ministry of Education Programme for International Student Assessment Task Force - MPTF) di bawah pengendalian pihak Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) akan melaksanakan Programme for International Student Assessment (PISA) Field Trial bermula bulan April sehingga Mei 2017.

Sehubungan itu, satu taklimat telah diadakan bersama dengan pengetua-petua dan penyelaras sekolah bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab kerajaan di bawah Kluster 1 hingga Kluster 6 bertempat di Dewan Kuliah, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI).

Pemangku Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Dr. Habibah binti Haji Sion, selaku Pengurus Projek Kebangsaan PISA (PISA National Project Manager - NPM) telah menyampaikan


kata alu-aluan dan seterusnya taklimat disampaikan oleh ahli-ahli MPTF.

Antara tujuan taklimat tersebut diadakan adalah untuk memberi kefahaman kepada para pengetua dan penyelaras sekolah mengenai pelaksanaan Computer-Based Assessment (CBA) bagi PISA Field Trial di sekolah-sekolah.

Sebanyak 28 buah sekolah menengah dan maktab di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, sekolah swasta juga sekolah antarabangsa akan menyertai PISA Field Trial ini.

Objektif utama PISA Field Trial ini ialah untuk mendapatkan maklumat penting operasi (*survey operations*), kualiti instrumen, prestasi keseluruhan platform penghantaran komputer dan *item* psikometrik bagi semua negara yang menyertai PISA 2018.

Secara kolektif, isu-isu dan dapatan dari PISA Field Trial itu nanti akan digunakan untuk meningkatkan kecekapan proses pengumpulan data dan kualiti



AHLI-AHLI Jawatankuasa Kerja Kumpulan Bertindak Kementerian Pendidikan semasa mengadakan taklimat bersama pengetua-petua dan penyelaras sekolah bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab kerajaan di bawah Kluster 1 hingga Kluster 6.

pelaksanaan secara keseluruhan bagi PISA 2018 nanti. Taklimat diakhiri dengan Sesi Soal Jawab.

Adalah diharapkan sesi taklimat tersebut akan dapat dikongsikan dan diguna pakai bagi membantu pihak sekolah dalam persediaan PISA Field Trial dengan lebih teratur dan mengikut piawaian OECD.

Taklimat berkenaan juga akan diadakan bagi sekolah-sekolah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, sekolah swasta dan sekolah antarabangsa pada Rabu, 1 Februari 2017 bertempat di Sekolah Menengah Arab Katok.

Maklumat lanjut mengenai ini boleh melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn/resources/pisa.

PISA adalah penilaian antarabangsa bagi pelajar-pelajar yang berumur 15 tahun yang dijalankan sekali

setiap tiga tahun dan dapat mengukur pencapaian pendidikan negara, dan bukannya pencapaian pelajar secara individu. Penilaian PISA 2018 (*Main Survey*) akan dijalankan pada bulan April 2018.

Penyertaan Brunei Darussalam dalam penilaian antarabangsa seperti PISA dan PISA Based Test for Schools (PBTSS) adalah selaras dan antara inisiatif-inisiatif Kementerian Pendidikan dalam menuju ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035 bagi merealisasikan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Penyertaan ini juga akan membolehkan pihak-pihak yang berkepentingan melihat potensi yang ada di dalam Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21).

Contoh soalan penilaian PISA boleh didapati di laman sesawang

berikut <https://nces.ed.gov/surveys/pisa/educators.asp>.



PEMANGKU Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Dr. Habibah binti Haji Sion, selaku Pengurus Projek Kebangsaan PISA (PISA National Project Manager - NPM) menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Tingkatkan pengetahuan mengenai ASEAN

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin,
Ammar Asyraf Haji Suhaimi
Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BERAKAS, Sabtu, 21 Januari. - Dalam usaha untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI telah mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN yang berlangsung di Dewan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengetua Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Awang Haji Ismail bin Haji Zainal.

Turut hadir, Timbalan Pengetua serta guru-guru maktab berkenaan. Jerayawara ini bertujuan untuk membarikan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini.

La juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasi ini dalam membangun negara-negara anggotanya.

Pada siri jerayawara tersebut, taklimat ASEAN telah disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan, diikuti dengan maklumat mengenai Wawasan Brunei 2035 yang wajar diketahui oleh para penuntut mengenai strategi-strategi yang telah dirancang.

Taklimat ini juga diharapkan agar dapat menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN 'Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti' (One Vision, One Identity, One Community).

Di samping itu, ia juga diharapkan dapat meningkatkan kesedaran penuntut tentang perkembangan negara di mata serantau serta menjadi pencetus semangat bagi mereka agar lebih gigih untuk memajukan tanah air agar Wawasan 2035 dapat direalisasikan.

Acara diserikan lagi dengan sesi soal jawab Kuiz ASEAN yang disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman dan diselajurkan dengan penyampaian hadiah kepada pelajar yang berjaya menjawab soalan dengan betul.

Program ini adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan untuk mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut di Negara Brunei Darussalam.



ANTARA pelajar perempuan yang menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN yang berlangsung di Dewan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Berakas.

Capai seratus peratus lulus PSR



KETUA Nazir Daerah, Pejabat Pengajian Islam Temburong, Dayang Hajah Barizah binti Haji Ibrahim menyampaikan hadiah penghargaan kepada pelajar.

Oleh : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain
Foto : Hsian Sekolah Arab Temburong

TEMBURONG, Sabtu, 21 Januari. - Sekolah Arab Temburong (SAT) berjaya mencapai keputusan 100 peratus lulus dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi Sesi 1437-8 / 2016. Sehubungan itu, telah berlangsung Majlis Penghargaan PSR bagi seramai 32 pelajar Tahun 6 sekolah berkenaan bertempat di Dewan SAT, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti ucapan alu-aluan daripada Guru Besar SAT, Awang Morsidi bin Haji Tuah.

Semasa berucap pada majlis ini, tetamu kehormat, Ketua Nazir Daerah, Pejabat Pengajian Islam Temburong, Dayang Hajah Barizah binti Haji Ibrahim mengingatkan semua yang hadir supaya tetap memberikan keutamaan kepada mata pelajaran agama lainnya.

"Walaupun berhasil mencapai kecemerlangan dalam Peperiksaan PSR, namun janganlah lupa pada mata pelajaran agama yang lain termasuk Al-Quran kerana masih ada anak-anak tangga yang perlu dilangkah oleh pelajar untuk sampai ke tahap yang lebih tinggi. Mereka ini setentunya akan berhadapan dengan lebih banyak cabaran dalam tempoh lima tahun ke depan, iaitu dalam menghadapi Peperiksaan Sijil Pelajaran Agama Brunei dan BGCE 'O' Level, di mana pelajaran Al-Quran dan subjek yang berbahasa Arab adalah amat ditekankan.

Alhamdulillah, saya difahamkan bahawa pihak sekolah telah mengukuhkan beberapa program yang menjurus kepada penguatan bahasa Arab, di samping menyediakan pelan tindakan lain untuk

meningkatkan tahap akademik pelajar dalam apa jua subjek di sekolah ini. Selain itu, saya turut berbangga dengan komitmen sekolah dalam kegiatan kokurikulum dan berharap ia akan dapat menyuntik lagi semangat berdaya saing pelajar di sekolah ini," jelas beliau.

Majlis turut diserikan dengan persembahan tausiyah dari pelajar perempuan Tahun 6, 7 dan 8 diikuti dengan penyampaian hadiah penghargaan kepada 32 pelajar Tahun 6 bagi Sesi 1437-8 / 2016 oleh tetamu kehormat. Daripada jumlah tersebut, tiga pelajar berjaya mendapat keputusan cemerlang 5A, manakala pelajar SAT yang berjaya mendapat Gred 'A' hingga 'C' adalah sebanyak 97 peratus dan telah menduduki tempat ke-4 dalam kalangan sekolah-sekolah rendah kerajaan seluruh negara dalam kedudukan peratus pelajar yang mendapat Gred 'A' hingga 'C' dalam Peperiksaan PSR 2016.

SAT dibuka pada tahun 1997 dan ketika ini mempunyai seramai 18 guru dan 97 pelajar yang menuntut di Tahun 5 hingga Tahun 8 dalam sesi pagi dan petang serta menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa perantara. Manakala dalam aspek kokurikulum, SAT juga telah banyak mencapai kejayaan antaranya menjadi johan tiga tahun berturut-turut dalam Peraduan Masrahiah Arabiah Peringkat Negara, johan dan naib johan Peraduan Musabaqah Al-Quran dan tempat ketiga dalam Peraduan Pidato dalam Bahasa Arab.

Antara program menarik yang diperkenalkan di sekolah ini dalam mengukuhkan lagi penguasaan dan penuturan bahasa Arab dalam kalangan pelajarannya ialah dengan menganjurkan Program Al-Arabiah Bayna Shafahatayn (Pencucapan Bahasa Arab di bibir mulut), di mana para pelajar mengenali 90 patah perkataan Arab baharu dalam tempoh 30 hari.

Bandarku Ceria beri tambahan pendapatan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Januari. - Sejak Bandarku Ceria diperkenalkan ramai para peniaga mengambil peluang untuk menjalankan perniagaan sama ada secara tetap pada setiap minggu bagi menjana pendapatan atau hanya sekadar hobi untuk mengisi masa terluang, di samping memperoleh pendapatan sampingan.

Menerusi tinjauan Pelita Brunei ke ibu negara menyaksikan pelbagai jenis perniagaan sudah semakin bertambah dan giat dijalankan oleh para peniaga yang antaranya ada berniaga makanan dan minuman, pakaian, aksesori perhiasan wanita, permainan kanak-kanak, buah-buahan, *garage sale*, penyewaan basikal, penyewaan maskot dan sebagainya, di sini.

Menurut seorang belia yang mengusahakan perniagaan pakaian dan aksesori sukan, Awang Mohd. Zuhairi bin Muhidden, 19, dalam temu bual bersama Pelita Brunei menjelaskan, beliau bersama bapa saudaranya Awang Haji Tamit bin Haji Jais sudah mula berniaga secara berpetak sejak mulanya

Bandarku Ceria diadakan.

Menyatakan mengenai perbezaan dari segi sambutan dan hasil pendapatan terangnya, walaupun ketika ini perniagaan seumpama menjual pakaian dan aksesori sukan juga giat dijalankan oleh beberapa peniaga lain, namun hasil sambutan orang ramai masih sangat menggalakkan dan hasil pendapatan juga masih tetap meningkat setiap minggu.

Selain menjalankan perniagaan di setiap minggu bersempena Bandarku Ceria tambahnya, orang ramai yang berkeinginan untuk membeli baju-baju, seluar-seluar dan kasut-kasut sukan terutamanya para penggemar sukan larian juga berbasikal bolehlah mendapatkan pelbagai jenis rekaan baju serta seluar yang didatangkan dari Kuala Lumpur, Malaysia dengan harga yang sangat berpatutan di petak mereka atau melalui Instagram [@ZOOMSPORT_BRUNEI](#).

"Di samping itu, kami juga sering mengikuti jualan di ekspo-ekspo bukan sahaja di Daerah Brunei dan Muara malah juga di Daerah Tutong dan Belait, Alhamdulillah setakat ini jumlah pelanggan dan hasil pendapatan tetap meningkat," ujarnya lagi.

Selain dari perniagaan pakaian, aksesori, mainan kanak-kanak dan sebagainya turut menjadi tumpuan

orang ramai ialah perniagaan *cat scratcher* yang diusahakan sendiri oleh seorang lagi anak muda tempatan, Awang Mohd. Hadi bin Haji Mohd. Roslan, 21, yang sudah memperkenalkan perniagaannya itu sejak tahun lepas.

Sejak dari awal perniagaan *cat scratcher* diperkenalkan terangnya, Alhamdulillah sambutan orang ramai semakin meningkat, yang mana beliau banyak menerima tempahan untuk mereka 'Cat Scratcher' ini dalam pelbagai bentuk dan saiz yang berjumlah dari harga BND10.00 sehingga mencecah BND200.00 sehari.

Beliau merupakan seorang lepasan dari IGS dan memiliki kemahiran bertukang daripada ayah beliau mula menjalankan perniagaan itu dengan hanya bermodalkan sebanyak BND70.00 dengan menggunakan bahan-bahan terpakai dan menjadikannya sesuatu yang dapat memberikan manfaat pada pencinta haiwan terutama penggemar kucing.

"Pada awalnya saya hanya membuat *cat scratcher* ini melalui tempahan kawan-kawan dan saudara-mara terdekat, dan pada masa yang sama mereka juga turut menggalakkan saya untuk menjadikan perniagaan ini secara *long-term* berdasarkan hasil *feedback* mereka yang sangat berpuas hati dengan hasil yang diberikan," ujarnya.



PENIAGA aiskrim 'Ice Goyang Ceria', Awang Arif bin Ahmad ini sering menjadi tumpuan pelanggan dari pelbagai peringkat umur.

Dari itu, orang ramai yang berkeinginan untuk membuat tempahan atau membeli pelbagai jenis rekaan *cat scratcher* atau kurungan kucing bolehlah menempah melalui akaun Instagram beliau [@CAT.SCRATCHER](#) atau mengunjungi kediaman beliau di No.110, Jalan Kemangsi Barat, RPN Kampung Meragang ataupun melalui talian +673 8900355 mengikut rekaan dan cita rasa para pelanggan sendiri.

Manakala bagi Awang Arif bin Ahmad, 37, berniaga di setiap minggu di Bandarku Ceria ini bolehlah dikatakan sebagai 'hobi' sampingan bagi mengisi masa terluang, selain turut menjana pendapatan secara sampingan bersama dua anak saudara beliau yang menjalankan perniagaan secara *push-cart*.

Peniaga aiskrim 'Ice Goyang Ceria' ini sering menjadi tumpuan pelanggan

dari pelbagai peringkat umur dalam kalangan kanak-kanak mahupun orang dewasa, dengan menjual sebatang aiskrim pada harga 50sen.

"Alhamdulillah mula berniaga sejak november tahun lalu, sehingga kini sambutan orang ramai adalah sangat menggalakkan dan antara aiskrim yang sering menjadi minat orang ramai ialah aiskrim berperisa milo, strawberi dan anggur, insyaaAllah di masa akan datang akan mencuba dengan pelbagai jenis perisa yang lain pula," ujarnya.

Dari itu, orang ramai yang ingin menempah 'Ice Goyang Ceria' paza acara-acara tertentu seperti hariulang tahun dan sebagainya bolehlah membuat tempahan melalui Instagram [@dapursisyifa](#) atau melalui akaun Facebook [@Armie Nur Syifa](#) atau melalui talian +673 8801517.



AWANG Mohd. Zuhairi bin Muhidden menjual barangan sukan seperti baju dan kasut.



PENIAGA aiskrim 'Ice Goyang Ceria', Awang Arif bin Ahmad.



AWANG Mohd. Hadi bin Haji Mohd. Roslan peniaga *cat scratcher* yang diusahakan sendiri.

Jalan Sekolah, Jalan Haji Basir ditutup setiap Ahad

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Januari. - Program Bandarku Ceria bertujuan untuk menghidupkan suasana Bandar Seri Begawan (BSB) dan menjadikannya sebagai sebuah bandar yang dinamik, *vibrant* dan unggul, di mana pada program tersebut merupakan Hari Tanpa Kereta di kawasan pusat BSB.

Dalam hal ini, beberapa jalan raya di kawasan BSB telah pun ditutup di antara 6.00 pagi hingga 10.00 pagi setiap Ahad, mulai 2 Oktober 2016 yang lalu.

Sehubungan ini, selain dari jalan-jalan yang telah ditutup pada masa ini, adalah dimaklumkan terdapat penambahan jalan raya yang akan ditutup sepenuhnya di antara 6.00 pagi hingga 10.00 pagi, iaitu Jalan Sekolah dan Jalan Haji Basir.

Dengan ini, pengguna-pengguna kenderaan adalah dinasihatkan untuk menggunakan laluan Lebuh raya Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Menteri Besar, Jalan Kebangsaan dan Jalan Kianggeh untuk menuju

ke pusat bandar.

Dalam hal berkaitan, bagi keselamatan orang ramai penutupan Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddin akan dilanjutkan di antara 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Pada masa ini, Jalan Pemancha, Jalan Pretty dan Jalan Elizabeth II adalah jalan-jalan yang telah digunakan bagi aktiviti berjaja dan sebagai tambahan Jalan Roberts juga dibukakan bagi aktiviti berjaja mulai 22 Januari 2017 di antara 6.00 pagi hingga 6.00 petang.



Tambahan laluan yang ditutup

SEPENUHNYA

semasa Bandarku

Ceria:

- Jalan Sekolah
- Jalan Haji Basir

Jalan yang ditutup
Jalan tambahan yang ditutup mulai 15 Januari 2017

Pengguna-pengguna kenderaan adalah dinasihatkan untuk menggunakan laluan Lebuh raya Sultan Hassanal Bolkiah, Jalan Menteri Besar dan Jalan Kebangsaan untuk menuju ke kawasan Bandar Seri Begawan



PEMANGKU Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Roslin bin Suhailee (tengah) menyampaikan hadiah dan bergambar ramai bersama pasukan Nightmare Muda Hashim yang menjuarai Kategori Pasukan.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Januari. - Kejohanan Catur Piala 'Mindquest Intervarsity' diadakan buat julung kalinya bertempat di Times Square, Berakas, di sini.

Kejohanan tersebut dianjurkan oleh Persekutuan Catur Brunei (BCF) dengan kerjasama Pengurusan Times

Square dan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Sebanyak 23 pasukan menyertai kejohanan tersebut terdiri dari penuntut-penuntut sekolah rendah dan menengah dari seluruh negara, Mindquest serta Universiti Brunei Darussalam.

Kelas Catur latih penuntut Tahun 9 ke atas

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan Awang Roslin bin Suhailee.

Sebanyak sembilan kategori dipertandingkan pada kejohanan berkenaan, antaranya, Kategori Berpasukan, Kategori Guru-Guru, Terbaik Perempuan Bawah Umur 12, Terbaik Lelaki Bawah Umur 12 dan sebagainya.

Dalam pada itu, BCF baru-baru ini telah memperkenalkan Kelas Catur terbaharu di Pusat Catur, Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah bagi mengajar penuntut dari Tahun 9 ke atas dengan tunjuk ajar dari pelatih yang terlatih.

Catur merupakan permainan menguji minda yang dimainkan oleh dua orang pemain, yang mana papan catur memiliki 60 kotak yang berbentuk persegi dan hanya ada warna hitam dan putih.

Dalam kesempatan ini, Pelita Brunei sempat memenuh bual dua orang pemenang kejohanan tersebut, iaitu Dayang Syasya Badrina binti

Haji Badaruddin, 15, dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Dayang Syasya Badrina menjelaskan, beliau mula bergiat aktif dalam permainan catur sejak menjadi ahli BCF pada tahun 2007 ketika berumur enam tahun lagi.

Ketika ditanya mengenai perasaan apabila dinobatkan sebagai Terbaik Keseluruhan Perempuan pada kejohanan berkenaan, beliau melahirkan perasaan gembira dan berharap akan memantapkan lagi usaha untuk mencapai ke tahap yang lebih cemerlang dalam permainan catur di dalam negeri juga arena antarabangsa.

Jelasnya, dalam permainan ini, kita seharusnya memerlukan sikap tidak mudah mengalah dan sentiasa akan memperbaiki strategi permainan.

Manakala bagi Awang Zahirul Haq bin Zazali, 12, dari Sekolah Menengah Katok pula menjelaskan, beliau bersama adik-beradiknya menyertai BCF bagi mengasah bakat dalam permainan catur.

"Saya berasa bersyukur kerana mendapat tempat pertama dalam Kategori Bawah Umur 16 dan ini memberi saya semangat untuk

meningkatkan dan memantapkan lagi strategi permainan catur saya untuk lebih cemerlang dan menjadi seorang pemain catur yang disegani di peringkat yang lebih tinggi lagi, InsyaaAllah," ujarnya.



DAYANG Syasya Badrina binti Haji Badaruddin memenangi Kategori Best Girl dan Best Board No. 3 dalam kejohanan tersebut.

Seni silat eratkan silaturahim pelbagai generasi

Kenaikan Arat dan Seminar Seni Bela Diri.

Di samping itu, matlamat dan tujuan PSPSG 41 ditubuhkan adalah bagi menengahkan aliran Silat Brunei Darussalam khususnya PSPSG 41; Menghubungkan masyarakat pada Pencak Silat; Memartabatkan Pencak Silat ke tahap yang selayaknya; Memanfaatkan disiplin Pencak Silat sebagai wahana pengembangan insan; Menggunakan Pencak Silat sebagai media untuk menzahirkan konsep MIB dan Menampilkan Pencak Silat sebagai salah satu komponen aktif dalam proses pembangunan agama, bangsa dan negara.

Sehingga ke hari ini PSPSG 41 lebih cenderung untuk bergiat dalam bidang seni dan bela diri, yang mana dengan prestasi cemerlang dalam kedua-dua bidang ini PSPSG 41 sepanjang dekat 90-an kerap kali dihantar untuk mewakili negara di dalam kejuaraan serantau serta antarabangsa.

Ini termasuklah Kejuaraan Pencak Silat Dunia 1987 di Kuala Lumpur, 1992 di Jakarta, 1994 di Thailand; Festival Silat Nusantara; Sukan SEA; Sukan Universiti ASEAN dan pada tahun 1998 Yang Di-Pertua PSPSG 41 telah dipilih oleh PERSIB sebagai wakil rasmi Brunei Darussalam untuk menyusun jurus pencak silat PERSILAT (Persekutuan Pencak Silat

Antarabangsa) yang kini dikenali sebagai Jurus Tunggal.

Di sebalik sistem pertahanannya yang nampak agresif, PSPSG 41 pada intinya mempunyai potensi yang besar untuk membentuk pesilat atau pengamal bela diri yang berani mengharungi kehidupan seharian dengan penuh keyakinan dan dalam masa yang sama berani pula untuk mengakui, mengenal pasti serta memperbaiki kekurangan dan kelemahan diri yang ada demi untuk kesejahteraan hidup ahli persatuan secara keseluruhannya.

Dengan erti kata lain, di samping menjadi alat bela diri, Pencak Silat PSPSG 41 juga boleh menjadi alat untuk membantu memperkasa mental dan emosi individu, menjadikan diri sebagai alat untuk mengawal serta mententeramkan keadaan, menimbulkan keyakinan dan semangat untuk menghadapi sebarang bentuk halangan.

Sebelum menjadi sebuah persatuan silat, PSPSG 41 berasal daripada dua aliran persilatan, iaitu satu bergelenggang di Bukit Merikan di bawah asuhan Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohd. Yusoff dari aliran Pencak Silat Melayu dan yang satu lagi bergelenggang di Kampung Setia di bawah asuhan Awang Haji Musa bin Pengarah Haji Jair dari aliran Silat

Cakak Asli.

Manakala pesilat PSPSG 41 terdiri daripada penduduk-penduduk Kampung Setia dan anak-anak kampung di sekitarnya, di mana pada tahun 1993, Allahyarham Awang Makmun bin Masri dari aliran Silat Gelombang 12 turut menggabungkan diri dengan PSPSG 41.

Sejak awal tahun 90-an, di bawah pimpinan Mejar (B) Rusli bin Bujang, PSPSG 41 mula mengembangkan sayapnya dengan membuka gelanggang di sekolah-sekolah menengah, institusi pengajian tinggi dan pusat-pusat kemasyarakatan di seluruh negara.

Antara gelanggang yang pernah dibuka atau aktif menjalankan latihan ialah Gelanggang Khas : Gelanggang Berjasa (Kampung Setia 'B') dan Gelanggang Guru Tua (Kampung Burung Lepas); Gelanggang Pusat, iaitu Gelanggang Guru Utama (Gelanggang Tawakkal, Kampung Mata-mata); Gelanggang Ahli yang sebahagiannya terdiri dari Gelanggang Seri Kemanca, Indera Perkasa, Cahaya Kilat, Samudera, Pusat Belia, Kelab PPMM, Kampung Bengkurong, Mukim Amo dan lain-lain serta Gelanggang Swasta yang dijalankan oleh EMPOWERIOR Silat Academy (Brain Warrior dan Head Strong) terletak di Kiulap.



PERSEMBAHAN seni silat daripada Ahli-ahli Seni Pencak Silat Gerak 41.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Januari. - Ke arah mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama ahli dari generasi yang berbeza mahupun gelanggang yang berlainan, Persatuan Perguruan Seni Pencak Silat Gerak 41 (PSPSG 41) mengadakan Majlis 'Reunion' bagi ahli-ahli terdahulu dan yang baharu bersama pengasas serta peneraju persatuan bertempat di Mangrove Paradise Resort, Kampung Sungai Belukut, Kota Batu.

Hadir selaku tetamu kehormat, Guru Utama persatuan berkenaan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Md. Yusoff.

Antara yang berlangsung pada acara tersebut ialah persembahan Salam Perguruan, sesi bergambar ramai dan sesi *throwback* dari wakil ahli generasi lama dan baharu serta beberapa permainan motivasi.

Silat Gerak 41 membawa makna empat aliran pencak silat yang berkembang di negara ini diolah menjadi satu sistem bela diri yang berkesan, dinamik, multi-dimensional dan *functional*, iaitu PSPSG 41.

Persatuan itu diterima menjadi Ahli Gabungan PERSIB (Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan) dan didaftarkan secara rasmi di bawah Pendaftaran Pertubuhan pada 6 September tahun lalu, diperkenalkan dan disusun sendiri oleh tokoh-tokoh persilatan tempatan serta kini menjadi sebuah persatuan silat moden sekaligus menjadi model kepada persatuan-persatuan silat lain di negara

ini, yang mana moden dalam erti kata, PSPSG 41 mempunyai pengurusan dan pentadbiran, sukatan serta modul persilatan, kegiatan tahunan juga ujian kenaikan arat yang bersistematik.

Malah pada tahun 1992, Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid selaku Yang Di-Pertua PERSIB ketika itu mengisytiharkan PSPSG 41 sebagai 'Perguruan Contoh'.

Antara kegiatan tahunan yang dilaksanakan oleh persatuan berkenaan ialah Anugerah Sukmawira, Kem Pendekar, Demonstrasi dan Persembahan Seni Silat, Nobat Prasetya, Pasang Dian Pendekar Bersaudara, Sayembara Pencak Silat, Silathon PSPSG 41, Tamu Silat, Ujian



GURU Utama persatuan berkenaan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Md. Yusoff bergambar ramai bersama para Ahli Seni Pencak Silat Gerak 41.

Hawa FT layak ke Liga Perdana DST 2017

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BERAKAS, Ahad, 22 Januari. - Pasukan Hawa FT membelasah Pasukan Besa FC 5 - 1 pada Perlawanan Kalah Mati untuk memasuki Liga Perdana Brunei DST 2017 setelah berjaya mengawal permainan yang berlangsung di Padang Bola Sepak Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD), Berakas.

Kemenangan besar pasukan didikan Nor Erwan Haji Abd. Wahab diperoleh menerusi jaringan hatrik oleh Md. Ghazi bin Haji Ismawi sebelum Jasnie Juri dan Zainol bin Mohd. Helmi masing-masing berjaya menyumbang satu jaringan.

Pasukan Hawa FT berjaya mendominasi perlawanan sebaik wisel dibunyikan, namun gagal menyudahi peluang dengan baik setelah penyerang sayap kanan pasukan tersebut gagal menembusi gawang pihak lawan seawal minit ke-7.

Namun, pemain Pasukan Besa FC, Awang Mohd. Hairolazrine bin Haji Abdullah berjaya mengejutkan pasukan Hawa FT kerana membolosi gawang lawan pada minit ke-16 setelah pemain yang menyarungkan jersi nombor 12 tersebut menjaringkan gol menerusi sepakan percuma.

Selang 11 minit kemudian, pasukan yang berasal dari Kampung Saba tersebut sekali lagi mendapat sepakan percuma yang hampir membolosi gawang lawan, namun berjaya diselamatkan oleh penjaga gawang pasukan Hawa FT, Awangku Abdul Safwan Al-Muqaddim bin Pengiran Sufri.

Pasukan Hawa FT berjaya menyamakan jaringan setelah bola muntah dari sepakan percuma tersebut bertukar menjadi serangan balas yang kemudiannya disudahkan dengan baik oleh Md. Ghazi.

Bersambung babak kedua, Md. Ghazi sekali lagi menemui sentuhan berbisanya setelah umpanan yang cantik dari sayap kiri, Muhd. Syahiran Yusof berjaya ditanduk masuk ke gawang lawan pada minit ke-54.

Md. Ghazi seterusnya berjaya melengkapkan hatriknya setelah rakan sepasukannya, Amy Amizan Gudang dijatuhkan di kotak penalti dan kemudiannya disudahkan dengan baik oleh pemain berjersi 7 berkenaan pada minit ke-65.

Nasib Pasukan Besa FC bertambah malang setelah pengadil sekali lagi menghadihkan pasukan lawan sepakan penalti selang 5 minit kemudian setelah Jasnie Juri dijatuhkan di kotak penalti



PARA pemain pasukan Hawa FT semasa bergambar ramai.

yang kemudiannya dijaringkan oleh beliau sendiri.

Pemain muda yang berusia 19 tahun dari pasukan Hawa FT, Zainol bin Mohd. Helmi mempersembahkan gerakan solo cantik di sayap kiri setelah berjaya melepaskan dua

pemain pertahanan pasukan Besa FC sebelum menyudahi dengan sepakan tajam kaki kanan pada minit ke-88 untuk melengkapkan jaringan 5 - 1.

Perlawanan Kalah Mati seterusnya bakal menyaksikan pasukan MSM United menentang Kilanas FC berlangsung di Kompleks Sukan Sungai Kebun 23 Januari ini.



SALAH seorang pemain pasukan Hawa FT semasa membuat percubaan di perlawanan tersebut.

Tujuh pasukan berentap pada perlawanan boling Kingston Trios League

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Januari. - Sebanyak tujuh pasukan berentap hari ini pada perlawanan boling Kingston Trios League yang berlangsung di i-Bowl Utama, Batu Satu.

Pasukan-pasukan yang berentap terdiri daripada pasukan trio dari keempat-empat daerah, yang mana perlawanan diadakan pada setiap Jumaat dan Sabtu.

Perlawanan akhir pula akan berlangsung pada bulan Jun nanti yang mana para para pemenang akan menerima hadiah wang tunai bersama trofi.

Perlawanan bertujuan memupuk semangat kesukanan boling dalam kalangan para peminat boling di negara ini sekali gus mencungkil bakat-bakat yang terpendam di dalam bermain boling.

Ia juga untuk memperkukuhkan hubungan kerjasama dan semangat berpasukan dan mengaktifkan permainan boling agar orang ramai berminat menyertai untuk mengembangkan sukan berkenaan.

Perlawanan adalah anjuran bersama di antara i-Bowl Utama and Kingston Beverage and Creamery Sdn. Bhd.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



SEBAHAGIAN daripada aksi semasa perlawanan Boling Kingston Trios League yang berlangsung di i-Bowl Utama, Batu Satu.

Kejohanan Catur Piala 'Mindquest Intersivity' julung kali diadakan



PEMBUKAAN Kejohanan Catur Piala 'Mindquest Intersivity' yang buat julung kalinya bertempat di Times Square, Berakas.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Januari. - Persekutuan Catur Brunei (BCF) dengan kerjasama Pengurusan Times Square dan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan mengadakan Kejohanan Catur Piala 'Mindquest Intersivity' buat julung kalinya bertempat di Times Square, Berakas.

Kejohanan selama sehari itu bermula pada sebelah pagi, disertai oleh sebanyak 23 pasukan terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah rendah dan menengah dari seluruh negara, Mindquest serta Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Sebanyak sembilan kategori dipertandingkan pada kejohanan tersebut antaranya Kategori Berpasukan, Kategori Guru-guru, Terbaik Perempuan bawah Umur 12, Terbaik Lelaki Bawah

Umur 12.

BCF baru-baru ini telah memperkenalkan Kelas Catur terbaharu di Pusat Catur, Kompleks Sukan Hassanal Bolkihah bagi mengajar penuntut dari Tahun 9 ke atas dengan tunjuk ajar daripada pelatih yang terlatih.

Catur merupakan permainan menguji minda yang dimainkan oleh dua orang pemain, yang mana papan catur memiliki 60 kotak yang berbentuk persegi dan hanya ada warna hitam dan putih.

Majlis penyampaian hadiah bagi kejohanan tersebut diadakan pada sebelah petang dan hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah, Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Roslin bin Suhailee.

Golf amal kutip BND11,300

Berita dan Foto : Ihsan Media Permata

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Januari. - Sejumlah BND11,300 telah berjaya dikumpulkan untuk mangsa-mangsa kebakaran Kampung Pandai Besi 'A' dan Kampung Lurong Dalam menerusi Kejohanan Golf Amal Kampong Ayer PWM yang diadakan di Kelab Golf Pantai Mentiri, Kampung Mentiri.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan replika cek derma berkenaan kepada Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Awang Abdul Rahman bin

Haji Apong.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap di KHEDN, Awang Haji Idris bin Haji Mohd. Ali dan Awang Haji Mohammad Sunadi bin Haji Buntar.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menerima cek daripada salah seorang penderma, Ting An.

Kejohanan berkenaan dianjurkan oleh Persatuan Warganegara Malaysia (PWM) dengan sokongan Kelab Golf Pantai Mentiri dan telah disertai seramai 80 orang pemain golf bagi sama-sama menjayakan tujuan mulia berkenaan.

Presiden PWM, James Lee dalam ucapan penghargaan telah menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua penderma dan pemain golf yang telah menyumbang pada kejayaan acara amal berkenaan.

Beliau juga merakamkan ucapan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur PWM yang diketuai oleh Ken Kho dan Kelab Golf Pantai Mentiri.

Pada November tahun lalu, James Lee berkata, PWM juga menganjurkan kejohanan golf di tempat yang sama untuk memperingati Ulang Tahun Ke-25 PWM.

Ia bertujuan untuk meningkatkan hubungan dengan masyarakat tempatan juga menjalani kehidupan yang sihat.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tiga, kiri) menyerahkan replika cek derma kepada JAPEM sambil disaksikan oleh Presiden PWM dan pengerusi acara berkenaan.

Peserta negara juara keseluruhan lumba perahu kawalan jauh

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Media Permata

KUALA BELAIT, Ahad, 22 Januari. - Kejohanan Lumba Perahu Laju Kawalan Jauh yang berlangsung selama tiga hari telah pun berakhir dengan Majlis Penyampaian Hadiah.

Sebanyak tujuh buah negara, iaitu Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Indonesia, Viet Nam, Emiriah Arab Bersatu, Singapura dan Thailand menyertai kejohanan yang berlangsung di Taman Rekreasi Jubli Anduki, Seria, di sini.

Kejohanan tersebut mempertandingkan lapan kategori.

Peserta negara, Apek Maarof muncul juara keseluruhan bagi kejohanan tahun ini.

Menjuarai Kategori Kelas 'A', Somchai dari Thailand; sementara

Kategori Kelas 'D', Beever Bee dari Thailand; Mr. Tee dari Thailand pula menjuarai dua kategori, iaitu Kelas 'E' dan Kelas 'F'; Kategori Kelas 'G' pula dijuarai oleh Dawut juga dari Thailand dan Apek Maarof telah memenangi Kategori Kelas 'H' dan Kelas 'I'.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof (dua, kiri) bergambar bersama para pemenang.

Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin juga selaku Penghulu Mukim Liang dan Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman.

Kejohanan merupakan anjuran bersama Majlis Perundingan Kampung Pandan 'B' dengan

kerjasama Jabatan Daerah Belait, Belait RC Boat Team dan Syarikat Zainurrah Kuala Belait.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada acara akhir Kejohanan Lumba Perahu Laju Kawalan Jauh di Taman Rekreasi Jubli Anduki, Seria.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

GANDAKAN AMAL KEBAJIKAN, RAIH KEBERKATAN DARIPADA ALLAH

دربیتکن اوله جباتن فتراعن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.